

PELESTARIAN TARIAN ‘LANGGIE PINGADAP’  
DALAM KALANGAN MASYARAKAT BIDAYUH

MAX MARTIN ANAK PETEL

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN  
KELANTAN  
2022



## **PELESTARIAN TARIAN ‘LANGGIE PINGADAP’ DALAM KALANGAN MASYARAKAT BIDAYUH**

**DISEDIAKAN OLEH:**  
**MAX MARTIN ANAK PETEL**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam  
Memenuhi Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan  
Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



MAX MARTIN ANAK PETEL

Tarikh: **27/02/2022**

Tandatangan Penyelia



DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED ROSDI

Tarikh: **27/02/2022**

Nota: \*Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## THEESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.



**OPEN ACCESS** I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)



**EMBARGOES** I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.

Date from \_\_\_\_\_ until \_\_\_\_\_



**CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*



**RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)\*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature



MAX MARTIN ANAK PETEL

Date: 27/02/2022

Signature of Supervisor



DR. NORAZLINDA BINTI MOHAMED ROSDI

Date: 27/02/2022

Note: \* If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana telah memberkati setiap kerja-kerja yang telah saya lakukan dalam menyiapkan kajian ini. Terima kasih saya ucapkan buat keluarga saya yang telah memberikan kata-kata semangat serta sokongan moral kepada saya selama ini dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih buat kawan-kawan saya yang turut bersama-sama membantu saya dalam mengumpulkan maklumat berkaitan dengan isu-isu kajian.

Seterusnya, terima kasih buat penyelia saya iaitu Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi kerana telah membimbing dan memberikan teguran yang membina kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Jabatan Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan iaitu Dr. Daeng Haliza Binti Daeng Jamal, Dr. Nordiana Binti Ab Jabar dan Dr. Ainul Wahida Binti kerana turut bersama-sama membimbing saya sepanjang pengajian di Universiti Malaysia Kelantan. Tidak ketinggalan juga, saya berterima kasih kepada pensyarah yang lain terutamanya pensyarah Jabatan Pengajian Warisan, elektif Warisan Budaya, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan yang ada membantu saya dalam menjayakan lagi kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan buat respondan ataupun informan saya iaitu Encik Chuno Anak Rohung, Encik Alui Anak Sijo, Puan Ratei Anak Nona, Puan Kanai Anak Ana dan Puan Redei Anak Chulip yang merupakan penari tarian ‘Langgie Pingadap’ suatu ketika dahulu, juga kepada Puan Rusa Anak Ranyah selaku Ketua Kampung di Kampung Rayang, Encik Matthew Anak Peros selaku orang yang tertua di Kampung Rayang dan Encik Simon Jai Anak Raing selaku penduduk kampung di Kampung Rayang yang telah memberikan maklumat berkaitan dengan tarian Bidayuh iaitu ‘Langgie Pingadap’ yang dapat saya jadikan sebagai bahan-bahan bukti serta mengukuhkan lagi kajian saya ini. Terima kasih juga saya ucapkan kerana sudi meluangkan masa bersama saya membuat temuramah dan mendapatkan maklumat berkaitan dengan perkara yang hendak dikaji.

Akhir sekali, saya bersyukur kerana melalui bimbingan daripada kalian semua saya dapat menyiapkan kajian saya ini dengan sempurna. Dengan adanya sokongan kalian juga, kajian saya ini akan siap dengan jayanya.

**PELESTARIAN TARIAN ‘LANGGIE PINGADAP’ DALAM KALANGAN  
MASYARAKAT BIDAYUH**

**ABSTRAK**

Kajian ini mengenai pelestarian tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti sejarah dan perkembangan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam kalangan masyarakat Bidayuh dan mengkaji perbandingan tarian ‘Langgie Pingadap’ yang dahulu dengan yang kini. Tujuannya untuk mengetahui sejarah dan perkembangan tarian ‘Langgie Pingadap’ dan perbandingan tarian zaman dahulu dengan sekarang. Di samping itu, turut membincangkan usaha untuk mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ supaya terus menjadi identiti kepada masyarakat Bidayuh itu sendiri. Kajian ini menggunakan kaedah kerja lapangan di Kampung Rayang, KM 58 BATU 36, Jalan Kuching/Serian sahaja. Kajian lapangan dilakukan hanya di kawasan ini kerana faktor kampung tersebut merupakan kampung halaman sendiri dan terdapatnya respondan ataupun infroman yang masih mengetahui tentang tarian ‘Langgie Pingadap’ tradisi Bidayuh di area atau bahagian Serian.

Kata kunci: Langgie Pingadap, Bidayuh, tradisional, pelestarian

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## PRESERVATION OF ‘LANGGIE PINGADAP’ DANCE AMONG THE BIDAYUH COMMUNITY

### ABSTRACT

This study is focus on the preservation of the 'Langgie Pingadap' dance among the Bidayuh community. The purpose of the study was to identify the history and development of the 'Langgie Pingadap' dance among the Bidayuh community and to study the comparison of the former 'Langgie Pingadap' dance with the present one. The purpose is to know the history and development of the 'Langgie Pingadap' dance and the comparison of ancient dances with the present. In addition, the respondence also discussed the efforts to maintain 'Langgie Pingadap' dance so as to continue to be an identity to the Bidayuh community itself. This study used the fieldwork method at Kampung Rayang, KM 58 BATU 36, Jalan Kuching/Serian only. Field studies are done only in this area because the village its their own hometown and there are respondence or infroman who still know about the 'Langgie Pingadap' dance of the Bidayuh tradition in the Serian area or section.

Keywords: Langgie Pingadap, Bidayuh, dance, traditional, preservation

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

**ISI KANDUNGAN**

	<b>HALAMAN</b>
<b>PERAKUAN TESIS</b>	i
<b>THESIS DECLARATION</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI GAMBAR</b>	x
<b>SENARAI PETA</b>	xi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	xii

**BAB I PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.1.1	Asal Usul Masyarakat Bidayuh	2
1.1.2	Mitos Masyarakat Bidayuh	3
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.2.1	Tarian Langgie Pingadap	4
1.2.2	Pakaian Langgie Pingadap	6
1.2.3	Muzik Dalam Tarian Langgie Pingadap	7
1.3	Permasalahan Kajian	8
1.4	Persoalan Kajian	10
1.5	Objektif Kajian	10
1.6	Skop Kajian	11
1.7	Kepentingan Kajian	13
1.7.1	Individu	13
1.7.2	Masyarakat	14
1.7.3	Institusi	14
1.8	Kerangka Teori	15

1.9	1.7.1 Teori Semiotik	16
1.9	Kesimpulan	18
 <b>BAB II                    SOROTAN KAJIAN</b>		
2.1	Pengenalan	19
2.2	Sorotan Kajian	20
	2.2.1 Definisi Umum Tarian	20
	2.2.2 Definisi Umum Kebudayaan	23
	2.2.3 Definisi Umum Bahasa	25
	2.2.4 Definisi Umum Pemeliharaan	25
	2.2.5 Definisi Umum Warisan	27
	2.2.6 Definisi Umum Seni	27
	2.2.7 Tarian Sebagai Identiti Sesebuah Masyarakat	28
	i) Bahasa	28
	ii) Pakaian	29
	2.2.8 Warisan Tidak Ketara	29
2.3	Kesimpulan	30
 <b>BAB III                    METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
	3.1 Kualitatif	32
3.3	Pengumpulan Data	32
	3.3.1 Data Primer	33
	i) Kaedah Temubual	34
	ii) Kaedah Pemerhatian	34
	iii) Kaedah Lapangan	35
	3.3.2 Data Sekunder	35
	i) Kaedah Kepustakaan	36
	ii) Internet	37
3.4	Instrumen Kajian	37
	3.4.1 Kamera	38

3.4.2	Telefon Pintar	38
3.4.3	Buku Catatan	38
3.5	Analisis Data	39
3.6	Kesimpulan	39

## **BAB IV DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	41
4.2	Analisis Temubual Responden	43
	4.2.1 Kaedah Temubual	44
	4.2.2 Pemerhatian	44
	4.2.3 Lapangan	44
	4.2.4 Dokumentasi	45
4.3	Dapatan Kajian	45
	4.3.1 Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Tarian ‘Langgie Pingadap’ Dalam Masyarakat Bidayuh	46
	4.3.2 Mengkaji Perbandingan Tarian ‘Langgie Pingadap’ Yang Dahulu Dengan Yang Kini	51
	4.3.3 Membincangkan Usaha Untuk Memulihara Dan Mengelakkan Tarian ‘Langgie Pingadap’ Sebagai Identiti Kaum Bidayuh	65
4.4	Hubungkait Hasil Dapatan Kajian Dengan Teori Semiotik	72
4.5	Kesimpulan	74

## **BAB V PENUTUP**

5.1	Pengenalan	76
5.2	Ringkasan Kajian	80
	5.2.1 Sejarah dan Perkembangan	81
	5.2.2 Perbandingan Tarian ‘Langgie Pingadap’ Dahulu Dengan Kini	82
	5.2.3 Usaha Untuk Memulihara dan Mengelakkan Tarian ‘Langgie Pingadap’	83
5.3	Cadangan dan Saranan	84

5.3.1	Cadangan Di Peringkat Masyarakat	85
5.3.2	Cadangan Di Peringkat Sekolah dan Universiti	86
5.3.3	Cadangan Di Peringkat Kerajaan Negeri Sarawak	87
5.4	Kesimpulan	88
RUJUKAN		90
LAMPIRAN		92

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## SENARAI GAMBAR

NOMBOR GAMBAR	HALAMAN	
Gambar 1	Tarian ‘Langgie Pingadap’ orang Bidayuh	6
Gambar 2	Pakaian ‘Langgie Pingadap’	7
Gambar 3	‘Canang’ Bidayuh	8
Gambar 4	Suasana Kampung Rayang, Serian	12
Gambar 5	Kerangka Teori Semiotik	17
Gambar 6	Pengumpulan Data	33
Gambar 7	Encik Chuno Anak Rohung (Ketika Masih Muda)	47
Gambar 8	Puan Rusa Anak Ranyah (Ketua Kampung)	50
Gambar 9	Tarian ‘Langgie Pingadap’ Suatu Ketika Dahulu	53
Gambar 10	Encik Matthew Peros Anak Rikep	54
Gambar 11	Pakaian ‘Langgie Pingadap’ Lelaki dan Wanita Zaman Dahulu	55
Gambar 12	Pakaian ‘Langgie Pingadap’ Wanita Masa Kini	56
Gambar 13	Pakaian Bidayuh Masa Kini	57
Gambar 14	Pakaian Bidayuh Masa Kini Yang Lainnya	57
Gambar 15	‘Gerundung’	60
Gambar 16	Penggunaan Kain ‘Suma’ Pada Suatu Ketika Dahulu	61
Gambar 17	Penggunaan ‘Sangguh’ Di Atas Kepala	62
Gambar 18	Penggunaan ‘Reung’ Di Atas Kepala	62
Gambar 19	Penggunaan Perhiasan Di Atas Kepala Pada Zaman Moden	63
Gambar 20	Encik Simon Jai	69
Gambar 21	Hubungkait Teori Semiotik Dengan Dapatan Kajian	73

**SENARAI PETA**

<b>NOMBOR PETA</b>		<b>HALAMAN</b>
Peta 1	Kawasan Bidayuh di Bahagian Serian, Sarawak	11
Peta 2	Peta Kampung Rayang, Serian	13

**SENARAI JADUAL**

<b>NOMBOR JADUAL</b>		<b>HALAMAN</b>
Jadual 1	Perubahan barang perhiasan pada pakaian ‘Langgie Pingadap’ zaman dahulu dengan masa kini	63

## SENARAI KEPENDEKKAN

KKMM	-	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
DBNA	-	<i>Dayak Bidayuh National Association</i>
TVS	-	Televisyen Sarawak
JKKK	-	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
R&D	-	<i>Research and Development</i>

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Negeri Sarawak merupakan negeri yang mempunyai kepelbagaian suku kaum dan masyarakat peribumi di Malaysia. Salah satu masyarakat peribumi yang ada di Sarawak ialah masyarakat kaum Bidayuh. Masyarakat Bidayuh merupakan masyarakat yang kurang dikenali oleh masyarakat luar oleh kerana faktor kurangnya diberi perhatian. Orang Bidayuh ini mempunyai penampilan dan cara hidup yang hampir sama dengan orang Iban akan tetapi yang membezakan kedua-dua kaum ini ialah faktor tempat tinggal mereka. Orang Bidayuh dikenali dengan panggilan ‘*Land Dayak*’ kerana mereka terkenal dengan kemahiran yang luar biasa dalam memburu dan mendapatkan hasil hutan dan kebanyakannya tinggal di kawasan darat sahaja pada zaman dahulu manakala orang Iban yang dikenali sebagai ‘*Sea Dayak*’ kerana majoritinya mendiami kawasan pinggir sungai kerana mereka mahir dalam bidang yang berkaitan dengan sungai atau lautan seperti membuat perahu untuk menjalani kehidupan sehari-hari mereka.

Orang Bidayuh merupakan masyarakat yang teliti dalam menghadapi sesuatu situasi. Menurut Caesar (2007), masyarakat Bidayuh merupakan golongan masyarakat yang berhati-hati dalam melakukan apa saja perkara dan mengambil masa yang panjang dalam memikirkan segala tindakan yang akan diambil iaitu ‘*theorising*’ ke atas sesuatu yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka.

Kaum Bidayuh adalah komuniti peribumi ketiga terbesar di Sarawak selepas orang Iban dan orang Melayu. Kaum ini merangkumi enam sub-etnik utama iaitu Bau-Bidayuh, Biatah-Penrissen, Bukar-Sadung, Padawan-Sembaan, Rara dan Salako. Semua sub-etnik ini secara kolektif disebut '*Land Dayak*' pada masa lalu tetapi kini secara rasmi telah dinamai sebagai Bidayuh oleh kerajaan pada tahun 2002. Jumlah populasi bagi orang Bidayuh dalam bancian tahun 2000 ke atas adalah seramai 166,756 orang. Seterusnya, kawasan yang paling ramai didiami oleh orang Bidayuh adalah di hujung barat daya Sarawak dengan 93% tinggal di bahagian Kuching dan 7% lagi di bahagian Samarahan yang berdekatan. Pada akhir tahun 1980, hampir semua orang Bidayuh telah ditemukan di 291 kampung di daerah berdekatan Lundu, Bau, Kuching, Samarahan dan Serian. Orang Bidayuh adalah masyarakat yang percaya kepada animisme dengan pengaruh dari agama Hindu dan Buddha pada suatu ketika dahulu dan kini kebanyakannya telah menganuti agama Kristian walaupun masih ada segelintir kumpulan yang tetap teguh dengan kepercayaan yang diamalkan sejak dari zaman dahulu.

Kaum Bidayuh secara tradisional adalah penghuni rumah panjang yang mencari nafkah melalui pertanian sara hidup. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, banyak yang telah meninggalkan rumah panjang dan membina rumah moden di dalam kampung tetapi banyak aspek budaya tradisional dan organisasi sosial mereka yang masih dapat dipertahankan. Penanaman padi masih merupakan bahagian penting dalam budaya dan ekonomi orang Bidayuh. Kitaran pertanian ditandai dengan perayaan penting yang disebut Hari Gawai. Sehubungan dengan itu, cara hidup mereka telah disusun oleh adat. Pembangunan ekonomi dan pendidikan telah membawa banyak orang Bidayuh menjadi arus utama masyarakat Sarawak moden tetapi mereka masih berjaya untuk mengekalkan banyak aspek budaya tradisional.

### 1.1.1 Asal Usul Masyarakat Bidayuh

Menurut salasilah kronologi cerita suatu ketika dahulu, sejarah kaum Bidayuh dikatakan bermula apabila dua orang lelaki yang bernama Padat dan Trauh serta

pengikutnya menjalankan ekspedisi dan telah singgah di suatu tempat yang berlainan untuk mendapatkan sumber makanan dan keperluan hidup ataupun untuk melakukan upacara ritual bagi mendapatkan berkat. Mereka kebiasaannya akan singgah di suatu tempat dengan memakan masa paling singkat dalam satu minggu ataupun paling lama sampai berbulan-bulan. Apabila mereka menetap di suatu tempat iaitu Rabak Mikabuh, maka di situ lah bermulanya satu kisah yang mana terjadinya perselisihan faham di antara Padat dan Trauh dan ini sekaligus telah melibatkan semua pengikut mereka pada masa itu. Konflik ini telah mendorong kepada perpecahan pengikut Padat dan Trauh untuk menetap di tempat lain. Mereka kemudiannya berpecah dan menetap secara berasingan di merata-rata tempat mengikut kehendak hati mereka. Ada yang menetap di Bung Bratak, Bung Siburan, Bung Jagoi, Rabak Rutoi, Bung Piradom dan tempat yang lain. Oleh kerana perpecahan ini, pengikutnya telah menetap secara tetap di tempat pilihan mereka dari zaman ke zaman sehingga ke hari ini.

### **1.1.2 Mitos Masyarakat Bidayuh**

Terdapat juga mitologi berkaitan asal usul kewujudan Bidayuh di mana banjir besar yang telah melanda seluruh pelusuk benua sehingga tenggelam. Dalam pada itu, terdapat seekor burung gagak ataupun dalam bahasa Bidayuh disebut sebagai ‘Kito Engkak’ terbang sambil membawa sebiji batu kecil iaitu batu ‘Gravel’ lalu dijatuhkan batu itu ke dalam laut. Dari situ, dikatakan telah terbentuknya daratan yang luas dan tinggi yang dinamakan Sungkung lalu terjadinya perpindahan kawasan penduduk ke Sungkung dari Pulau Jawa. Walaubagaimanapun, kepastian tentang cerita ini agak sukar untuk dipastikan walaupun majoriti orang Bidayuh akan mengisahkan kewujudan mereka dengan kronologinya.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Secara umumnya, kaum Bidayuh mempunyai pelbagai jenis tarian tradisional yang dipersembahkan dalam upacara yang berbeza mengikut makna tarian dengan sesuatu upacara itu. Antara tarian orang Bidayuh yang masih diamalkan adalah seperti tarian

Ngajat Bidayuh, Ngajat Gendang, Langgie Sijinjek, Langgie Pingadap, Langgie Berokap, Langgie Bidayung dan yang lainnya. Pada kebiasaannya, tarian tradisional Bidayuh ditarikan tanpa mengira faktor usia sama ada tua atau muda. Oleh kerana kehidupan orang Bidayuh dekat dan berteraskan kepada padi, maka kesemua tarian yang dipersembahkan majoritinya bertujuan untuk menunjukkan ataupun mempamerkan rasa bersyukur di atas hasil padi yang diperoleh pada setiap tahun.

Menurut Dennis Lau (1999), masyarakat Bidayuh merupakan masyarakat yang keempat terbesar di Sarawak yang mana jumlah populasi mereka dalam anggaran &% daripada keseluruhan penduduk Sarawak. Mereka merupakan masyarakat petani yang mengamalkan penanaman padi bukit. Berdasarkan maklumat tersebut, kebanyakan mereka masih mengamalkan penanaman padi secara tradisional. Oleh sebab itu, dalam budaya masyarakat Bidayuh yang berkaitan dengan kepercayaan kepada kuasa ghaib dan sebagainya masih lagi kuat di jiwa mereka. Dengan kata lain, setiap perbuatan terutamanya untuk memperolehi hasil padi yang banyak, mereka akan mengadakan pelbagai upacara tertentu terutamanya untuk menjamu makhluk-makhluk tersebut.

### **1.2.1 Tarian Langgie Pingadap**

Tarian Langgie Pingadap pada asalnya dipersembahkan ketika musim menuai padi berakhir. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2007), tarian ialah gerak geri anggota badan serta tangan dan kaki berirama dengan mengikut rentak muzik yang didendangkan. Tarian ‘Langgie Pingadap’ ini akan dipersembahkan oleh golongan lelaki dan wanita sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan di atas rezeki padi yang diperoleh pada setiap tahun. Tetapi pada masa kini, tarian Langgie Pingadap ini dikenali dengan tarian tradisional orang Bidayuh untuk menyambut kedatangan tetamu yang datang melawat ke kawasan Bidayuh. Kebiasaannya, golongan tetamu yang disambut dengan irungan tarian Langgie Pingadap ini merupakan golongan yang istimewa seperti para menteri dan orang-orang yang mempunyai jawatan. Tarian Langgie Pingadap ini juga boleh didefinisikan sebagai tarian untuk pembuka majlis bagi upacara tertentu dan kemudiannya diikuti dengan tarian Langgie Berokap yang dianggap sebagai tarian yang

memberi keberkatan kepada orang-orang yang hadir. Selepas itu, tarian-tarian yang lain akan menyusul untuk dipersembahkan untuk tujuan lain ataupun hanya sekadar hiburan untuk para tetamu yang telah datang.

Seterusnya, tarian Langgie Pingadap ini kerap dikaitkan dengan budaya padi. Hal ini kerana kehidupan orang Bidayuh yang terlalu erat dengan padi telah menjadikan tarian ini mesti berkait rapat dengan budaya padi. Lebih jelas lagi, masyarakat Bidayuh pada zaman dahulu tidak mempunyai apa-apa selain hasil tanaman padi. Maka, mereka menggunakan hasil tanaman padi untuk menjamu para tetamu selain menjadi bekalan makanan sehari-hari mereka. Oleh itu, tarian ini dengan padi saling mempunyai pertalian yang erat. Pada kebiasaan mereka, orang Bidayuh menjamu tetamu dengan hasil padi ketika hari perayaan seperti Hari Gawai Dayak sebagai tanda merasai beras baru dalam tahun yang baru. Menurut Mohd. Maulana Magiman (2017), dalam memperkatakan tentang padi bukit, masyarakat Bidayuh sangat mempercayai tentang semangat dan kuasa ghaib. Ini disebabkan suasana penanaman padi hanya bergantung kepada alam sekitar seperti hujan, panas dan persekitaran. Sekiranya keadaan kuasa-kuasa ghaib tidak dijaga, maka akan berlakunya pelbagai malapetaka dan sebagainya. Oleh sebab itu, selepas sahaja masyarakat Bidayuh atau Dayak ini selesai menuai padi, mereka wajib meraikan Gawai Dayak pada 1 Jun setiap tahun. Perayaan itu sebenarnya mempunyai pertalian dengan tuhan dan sebagainya untuk membala jasa baik terhadap pemberian hasil yang lumayan dan kerana itulah diadakan satu persembahan sebagai tanda ucapan terima kasih.

Seterusnya, tarian Langgie Pingadap juga merupakan tarian yang dipersembahkan secara berkumpulan oleh para wanita. Para penari akan menari dalam jumlah yang tidak ramai dalam bentuk dan gaya tarian yang tersendiri. Gerak geri tarian Langgie Pingadap ini juga berkait rapat dengan simbol-simbol dalam budaya padi seperti memetik, menaman dan sebagainya. Dengan adanya tarian ini, orang Bidayuh dapat memperkenalkan keunikian budaya tarian mereka kepada masyarakat luar terutamanya masyarakat yang belum mengetahui tentang kebudayaan kaum Bidayuh.



Gambar 1: Tarian '*Langgie Pingadap*' Orang Bidayuh

Sumber: Google

### 1.2.2 Pakaian Langgie Pingadap

Setiap tarian yang ada di dunia ini pasti mempunyai corak dan bentuk pakaian yang berbeza mengikut kaumnya tersendiri. Begitu juga dengan tarian Langgie Pingadap Bidayuh ini yang mana pakaian Langgie Pingadap mempunyai gaya dan bentuknya yang tersendiri. Tarian ini dipersembahkan oleh golongan wanita sahaja yang mana warna utama pakaian ialah warna hitam dan merah. Perhiasan di kepala kebiasaanya hanya sepasang topi atau kain merah bercorak menutupi seluruh permukaan kepala. Untuk baju dan skirt, warna hitam merupakan warna utama yang menjadi lambang pakaian Bidayuh. Kemudian, terdapat warna merah dan warna emas berkilat pada bahagian lengan, leher, tengah dan hujung baju dengan corak bergaris panjang dan lurus. Baju kebiasaannya berbentuk lengan pendek dan rompi iaitu seakan berbentuk 'vest'. Pada bahagian pinggang, terdapat penggunaan tali pinggang yang diperbuat daripada perak sebagai hiasan. Pakaian Langgie Pingadap juga turut mempunyai pemakaian selendang yang panjang iaitu dengan warna merah yang diletakkan di bahagian bahu. Perhiasan lain untuk tarian ini ialah bakul kecil. Bakul kecil yang akan dibawa semasa mempersembahkan tarian adalah memberi maksud akan tarian Langgie Pingadap yang berkait rapat dengan budaya padi.




Gambar 2: Pakaian Langgie Pingadap

Sumber: *Google*

### 1.2.3 Muzik Dalam Tarian Langgie Pingadap

Adanya sesbuah tarian pasti diiringi dengan muzik. Menurut Mastuky Tan (1997), beliau telah mendefinisikan bahawa muzik traisional sebagai “budaya masyarakat” yang diperturunkan atau diamalkan secara lisan di kampoug-kampung dan kawasan yang tertentu sahaja. Seni tari dan seni muzik ini ada mempunyai hubungan yang begitu rapat dalam kehidupan manusia dan alam. Tarian dalam alam melayu juga dapat dimaksudkan dengan sebagai seni halus. Tarian Langgie Pingadap semestinya dipersembahkan dengan muziknya yang tersendiri. Muzik memainkan peranan yang cukup penting dalam sesuatu seni persembahan kerana muzik mempengaruhi sesuatu tarian yang ditarikan. Bagi muzik dalam tarian Langgie Pingadap, muzik berfungsi untuk menyempurnakan lagi suasana dan keindahan tarian selain memainkan peranan dalam mengusir roh jahat dan sebagai hiburan semata-mata. Terdapat beberapa peralatan muzik yang dimainkan ketika tarian Langgie Pingadap dipersembahkan. Antaranya adalah seperti gong yang disebut ‘Aguong’, ‘Kitaak’, Canang, Tawak dan Gendang.



Gambar 3: ‘Canang’ Bidayuh

Sumber: *Google*

### 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Tarian tradisional di Sarawak dapat dilihat semakin kurang dititikberatkan. Perkara ini terjadi kerana sudah adanya faktor lain seperti permainan video yang mempengaruhi masyarakat itu sendiri sehingga membuat mereka leka akan kepentingan tarian tradisional mereka yang sepatutnya dipelihara dan diamalkan supaya terus dapat diperlihatkan kepada generasi yang akan datang. Tarian yang diwarisi sejak dari turun-temurun ini begitu penting kerana daripada tarian yang diamalkan itu boleh mencerminkan identiti kaum Bidayuh.

Selain itu, golongan yang berpengalaman sejak dahulu lagi tidak berkongsi pengetahuan dalam mengajar atau memberi ilmu serta latihan kepada golongan masyarakat yang baru dari mereka. Tarian Langgie Pingadap ini tidaklah begitu rumit untuk dipelajari tetapi jika dipandang remeh, maka agak mustahil untuk mempelajarinya dengan mudah dan perkara ini akan mendorong kepada berlakunya pengubahan keaslian tarian tradisional itu. Oleh itu, setiap individu harus memainkan peranan mereka sendiri untuk memberi tunjuk ajar bagi orang yang sudah

berpengalaman tentang sesuatu tarian itu dan juga harus memasang niat untuk mempelajari tarian tradisional kaum sendiri.

Terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi tarian tradisional untuk pupus ditelan zaman jika tidak dipelihara dengan baik. Sebagai contoh, sikap sesuatu masyarakat itu sendiri yang mungkin dingin dengan budaya tarian kaumnya sendiri. Hal ini kerana situasi kehidupan pada era modenisasi ini semakin sibuk mengejar kewewahan dan kesenangan sehingga tidak mereka ada masa untuk mempelajari ataupun mengambil tahu tentang budaya mereka apalagi dirasakan menghabiskan waktu dengan sia-sia sahaja hanya untuk mempelajari kemahiran tarian tradisional. Selain itu, kemajuan yang pelbagai pada masa kini juga boleh menjadi sebab mengapa tarian tradisional di Sarawak semakin dilupakan. Permainan video yang canggih pada masa kini dikatakan lebih memikat hati masyarakat terutamanya generasi muda. Telefon pintar juga telah menyediakan pelbagai aplikasi yang boleh menghiburkan sedangkan tarian tradisional dikatakan sukar dipelajari dan bosan serta tidak mencabar.

Menurut Chee Ying (2005), budaya tradisional ini perlu dikawal terutamanya berkaitan dengan integrasi budaya. Integrasi budaya adalah penting bagi sesebuah komuniti untuk memiliki hak untuk mengawal penggunaan ekspresi budaya tradisionalnya supaya identiti budaya mereka boleh dikekalkan terutamanya yang bersifat *secret-sacred* iaitu mereka sendiri yang menentukan perjalanan budaya mereka.

Oleh itu, ketidakpedulian masyarakat terhadap tarian ‘Langgie Pingadap’ terutamanya generasi muda lebih-lebih lagi masyarakat Bidayuh itu sendiri telah menarik minat pengkaji untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan punca yang telah menghanyutkan tarian ini dan juga sekaligus mengenalpasti pelbagai faktor yang mempengaruhi ke arah tersebut.

Di samping itu, keaslian tariannya telah mengalami sedikit perubahan daripada tarian asal juga telah mempengaruhi pengkaji untuk mengkaji sejak bila keaslian terhadap tarian ini mula berubah dan bagaimana keaslian tarian ini diubah.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Pengkaji menjalankan penyelidikan ini berdasarkan kepada beberapa persoalan yang telah ditimbulkan. Antaranya ialah:

- i) Bagaimanakah sejarah dan perkembangan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam masyarakat Bidayuh bermula?
- ii) Apakah adanya perbandingan antara tarian ‘Langgie Pingadap’ pada masa dahulu dengan masa kini?
- iii) Apakah usaha untuk mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ sebagai identiti kaum Bidayuh?

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

- i) Mengenalpasti sejarah dan perkembangan tarian ‘Langgie Bidayuh’ dalam masyarakat Bidayuh.
- ii) Mengkaji perbandingan tarian ‘Langgie Pingadap’ yang dahulu dengan yang kini.
- iii) Membincangkan usaha untuk mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ sebagai identiti kaum Bidayuh.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Pengkaji akan menjadikan Bahagian Serian sebagai lokasi untuk pengkaji menjalankan penyelidikan ini kerana Serian merupakan kawasan yang padat dengan penduduk kaum Bidayuh. Walaubagaimanapun, pengkaji akan lebih fokus dan mengutamakan Kampung Rayang, Serian kerana ia merupakan kampung halaman pengkaji sendiri.

Bagi kawasan Bahagian Serian, terdapat hampir 200 buah kampung yang dapat dikenalpasti dengan jumlah penduduk yang mencecah hampir 100,000 orang dan sudah pasti majoritinya merupakan penduduk yang berbangsa Bidayuh. Masyarakat Bidayuh yang menetap di seluruh Serian masih lagi menjalankan kegiatan penanaman padi, memburu, menangkap ikan dan menanam buah-buahan di atas tanah mereka sendiri. Pendek kata, kebanyakannya mereka ini terdiri daripada golongan petani dan nelayan. Serian terkenal dengan pelbagai tempat menarik seperti gunung, gua dan sebagainya. Keluasan bahagian Serian ini dianggarkan seluas 1,762.4 kilometer persegi.



Peta 1: Kawasan Bidayuh di Bahagian Serian, Sarawak

Sumber: *Google*

Kampung Rayang merupakan perkampungan kaum Bidayuh yang mudah dikenalpasti dan merupakan kampung yang terletak di bahagian Serian, Sarawak. Kampung Rayang mempunyai enam zon tersendiri iaitu Zon Entangan, Zon Tipen, Zon Sijjo, Zon Padang Bol, Zon Punok dan Zon Baih. Kedudukan Kampung Rayang ini tidak jauh dari bandar Serian iaitu dalam jarak 4 kilometer perjalanan sebuah kereta. Pada kebiasaananya, kampung Bidayuh selalu disebut mempunyai rumah panjang tetapi tidak di Kampung Rayang. Kampung Rayang tidak lagi mempunyai rumah panjang atas faktor peredaran zaman. Kini, rumah-rumah penduduk kampung kebanyakannya diperbuat daripada simen seperti rumah-rumah moden yang dapat kita lihat pada hari ini. Walau bagaimanapun, penduduk di kawasan ini sudah pasti majoritinya berbangsa Bidayuh dan mereka masih lagi mengamalkan tarian ‘Langgie Pingadap’. Terdapat juga bangsa lain seperti India, Cina dan Melayu dan menetap di sana atas faktor berkahwin, membeli rumah dan tanah penduduk kampung. Pengkaji memilih seluruh kawasan Bahagian Serian kerana selain dekat dengan kawasan pengkaji dan Kampung Rayang, Serian menjadi tempat atau lokasi utama kerana ia merupakan kampung halaman pengkaji sendiri dan ini akan memudahkan pengkaji untuk mengumpul dan mendapatkan data-data yang ada.



Gambar 4: Suasana Kampung Rayang, Serian

Sumber: Aplikasi Facebook



Peta 2: Peta Kampung Rayang, Serian

Sumber: *Google Maps*

## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan kerana mempunyai kepentingan yang tersendiri dan boleh memberi impak serta kesan kepada individu, masyarakat dan institusi di Negeri Sarawak. Pengkaji berharap agar penyelidikan ini sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat Bidayuh di seluruh bahagian Serian dalam usaha untuk memelihara budaya tradisional mereka dan mengambil langkah yang sewajarnya dalam mempamerkan keunikan budaya mereka lebih-lebih lagi tarian ‘Langgie Pingadap’ ini. Antara kepentingan yang dapat dikenalpasti adalah:

### 1.7.1 Individu

Kepentingan kajian ini terhadap individu ialah individu dapat memahami dengan lebih jelas dan lebih dalam lagi tentang tarian ‘Langgie Pingadap’ ini. Selain itu, pengkaji juga menjalankan kajian ini untuk mewujudkan kesedaran terhadap diri seseorang terutamanya generasi muda tentang berharganya warisan ini kerana telah diwarisi dan diamalkan sejak zaman nenek moyang lagi. Seterusnya, kepentingan kajian ini untuk

seseorang individu itu ialah dapat menjadi panduan dan maklumat kepada generasi baru di masa hadapan. Dengan adanya kajian ini sudah tentu dapat mempengaruhi individu terutamanya golongan muda untuk mempelajari bentuk dan gerak geri tarian walaupun hidup di era modenisasi ini. Yang terakhir sekali ialah pengkaji ingin menyemaikan rasa cinta akan budaya dan warisan dalam diri setiap individu agar nilai budaya ini dapat diteruskan dan tidak pupus ditelan arus zaman.

### **1.7.2 Masyarakat**

Perkongsian maklumat tentang budaya tradisional melalui penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji ini sudah pasti dapat meningkatkan kesedaran dalam seluruh masyarakat betapa pentingnya sebuah warisan ini untuk terus dijaga dan dikekalkan. Selain itu, penyelidikan ini dijalankan bagi tujuan mempengaruhi pemikiran masyarakat Bidayuh itu sendiri untuk bersama-sama berganding bahu dalam mengekalkan tarian ini agar dapat diperkenalkan kepada masyarakat luar. Seterusnya, kajian ini juga dijalankan supaya semua masyarakat Bidayuh lebih memandang serius dan mengambil peduli tentang tarian ini demi kesinambungan warisan kebudayaan yang merupakan identiti bagi mereka sendiri.

### **1.7.3 Institusi**

Kepentingan kajian ini terhadap institusi pula ialah dapat mempamerkan tarian masyarakat Bidayuh dengan lebih luas lagi. Kurangnya pendedahan di institusi-institusi yang ada di Malaysia berkaitan warisan kaum Bidayuh ini telah mendorong pengkaji untuk membuat penyelidikan. Pihak yang bertanggungjawab seperti badan-badan kerajaan mahupun badan bukan kerajaan haruslah berganding bahu dalam memelihara warisan yang tidak ternilai harganya ini agar tidak lenyap ditelan zaman. Bukan itu sahaja malah pihak yang bertanggungjawab juga boleh menyelamatkan tarian ini daripada pupus oleh arus zaman bersama golongan pelajar lebih-lebih lagi pelajar institusi pengajian tinggi dengan membudayakan tarian ini kepada masyarakat luar.

Selain itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi maklumat yang jelas tentang tarian ‘Langgie Pingadap’ supaya dapat diketengahkan dalam buku teks sekolah. Hal ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan muda sama ada dari kaum Bidayuh itu sendiri mahupun masyarakat kaum lain untuk mengenali tarian ini dengan jelas dan tepat.

### 1.8 KERANGKA TEORI

Pengkaji akan memilih teori Semiotik sebagai teori yang akan digunakan untuk menjalankan penyelidikan kajian ini. Pengkaji mendapat bahawa teori ini berkait rapat dengan tajuk kajian yang pengkaji pilih iaitu tarian ‘Langgie Pingadap’ memandangkan teori ini merujuk kepada pertunjukan dan seni persembahan yang merangkumi pelbagai aspek. Pendapat Mohd Kipli Abdul Rahman (2010) yang dipetik oleh Geogory Kiyai, Noria Tugang dan Olivia Seer (2020), aktiviti seni persembahan boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang asing kerana istilah persembahan itu sendiri sukar untuk diterjemahkan secara mutlak ke dalam Bahasa Melayu. Namun, secara etimologi, seni persembahan merujuk kepada pertunjukan, persembahan, perbuatan daya guna, prestasi, hasil dan permainan.

Menurut mereka lagi, berdasarkan kepada pendapat Schechner, Richard (2002), semua aktiviti sosial yang dilakukan meliputi amalan kehidupan seharian, kesenian, sukan, hiburan umum, teknologi, ritual tradisional (yang berhubung dengan kepercayaan agama dan tradisi) mahupun persembahan atau pertunjukan (teater, tari, muzik) merangkumi sejumlah besar aktiviti seni terutamanya tarian tradisional kerana pembentukan tarian tradisional adalah diwarisi secara turun temurun dan mengikut cerita rakyat khususnya dalam menyampaikan sebuah cerita melalui tarian. Ferdinand den Saussure dan Charles Sanders Peirce adalah tokoh dan perintis bagi teori ini dan perkataan semiotik ini berasal daripada perkataan Yunani yang disebut sebagai ‘*semeion*’ iaitu tanda. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa teori ini sesuai bagi pengkaji untuk mengkaji dengan lebih dalam lagi tentang tajuk yang telah dipilih oleh pengkaji.

### 1.8.1 Teori Semiotik


Peirce (1965), semiotik ini adalah tanda yang mana diperoleh dari proses semiosis. Terdapat tiga kategori dalam proses semiosis tersebut iaitu *representamen*, *object* dan *interpretant*. Peirce telah mengemukakan tanda-tanda melalui proses semiotik tradiac berdasarkan tiga kategori. *Representamen* merupakan proses yang terdiri daripada tiga jenis iaitu *legisign*, *qualisign* dan *sinsign*. Seterusnya pada tahap kedua, iaitu *object*. Peirce mengemukakan tiga jenis tanda, iaitu ikon, indeks, dan simbol manakala *interpretant* merupakan tanda yang terdapat dalam fikiran kita sejurus selepas kita mengenal pasti tanda tersebut.

Seterusnya, berdasarkan pendapat Morris (1938), terdapat tiga kategori dalam proses semiosis iaitu *sign vehicle*, *interpretant* dan *designatum*. Menurutnya, proses dalam tradisi ini berasal dari orang Yunani dan biasanya dianggap melibatkan tiga atau kemungkinan boleh jadi empat faktor. Faktor itu boleh bertindak sebagai tanda. Apa yang dimaksudkan oleh tanda itu dan kesannya pada beberapa penafsir dalam kebajikan bahawa perkara yang dimaksudkan adalah tanda kepada jurubahasa. Ketiga-tiga komponen dalam semiosis boleh disebut sebagai masing-masing, kenderaan tanda, *designatum* dan jurubahasa. Jurubahasa boleh dimasukkan sebagai faktor keempat.

Menurut Abdul Latiff Abu Bakar (2006), teori Semiotik adalah sebuah teori yang berkait rapat dengan lambang yang mana dikomunikasikan lalu digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu termasuk juga kajian terhadap seni persembahan atau seni pertunjukan. Teori ini dapat membantu pengkaji untuk memahami tentang sesuatu perkara dan makna yang diciptakan. Kemudiannya, makna itu akan dikomunikasikan berdasarkan lambang ataupun simbol yang mempunyai seni persembahan atau pertunjukan yang mana akan dilihat pada pakaian, muzik dan lain-lain.

Selain itu, Panuti Sudjiman dan van Zoest (1992) juga menyatakan bahawa semiotik itu merujuk kepada isyarat atau tanda dalam satu sistem lambang yang lebih

besar manakala bidang pragmatik mengkaji kesan penggunaan lambang terhadap proses komunikasi. Dengan menggunakan pendekatan semiotik, seseorang boleh menganalisis makna yang tersurat dan tersirat di balik penggunaan lambang dalam kehidupan manusia.



Gambar 5: Kerangka Teori Semiotik

Sumber: *Google*

Berdasarkan penjelasan tentang teori Semiotik berdasarkan kajian-kajian yang sebelumnya didapati bahawa teori ini dianggap relevan dengan kajian yang pengkaji laksanakan. Hal ini kerana tarian ‘Langgie Pingadap’ ini merupakan lambang ataupun boleh merujuk kepada identiti masyarakat Bidayuh. Tarian ini juga dipersembahkan kepada khalayak ramai pada waktu tertentu seperti menyambut perayaan Hari Gawai, menyambut tetamu terhormat dan lain-lain yang mana secara langsung mudah untuk dikenali kerana identiti telah diketahui.

## 1.9 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bahagian bab ini membincangkan secara menyeluruh tentang pengenalan sejarah awal berkaitan kaum Bidayuh, latar belakang tarian ‘Langgie Pingadap’, permasalahan berkaitan tarian yang kini kurang diberi perhatian, objektif kajian yang pengkaji pilih, persoalan-persoalan kajian yang dikenalpasti, skop kajian dan kepentingan kajian kepada individu, masyarakat dan institusi serta kerangka teori yang berkait rapat dengan kajian. Pengkaji berharap agar tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dapat dipelihara dengan baik dan betul serta dikekalkan agar dapat dipertontonkan kepada masyarakat luar. Keaslian tarian ini telah mengalami sedikit perubahan dari zaman ke zaman dan harus diketahui oleh semua masyarakat supaya mereka tahu mengapa tarian ini berubah dan apa alasannya.

Selain itu, penyelidikan yang dijalankan ini diharapkan dapat memberi impak dan hasil yang berguna untuk masyarakat Bidayuh di masa hadapan. Di samping itu juga, pengkaji berharap agar penyelidikan ini dapat memberi mesej kepada seluruh masyarakat Bidayuh terutamanya generasi muda tentang bernilainya tarian tradisional ini untuk terus dijaga dan patut dibanggakan. Oleh itu, pengkaji menggunakan teori Semiotik bagi kajian ini kerana agak bersesuaian dengan tajuk iaitu Pengekalan Tarian ‘Langgie Pingadap’ Dalam Kalangan Masyarakat Bidayuh.

## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 PENGENALAN

Sorotan kajian boleh didefinisikan sebagai satu kajian yang menjadi panduan ataupun rujukan dalam menjalankan penyelidikan. Sorotan kajian yang terdiri daripada kajian lepas oleh penyelidik terdahulu berguna untuk dirujuk supaya dapat mengukuhkan kajian yang pengkaji jalankan selain membuat perbandingan. Kajian lepas yang digunakan ataupun dipilih haruslah berfokuskan kepada kesamaan tajuk yang dikaji. Menurut Bryman & Bell (2003) dan Creswell (2005), mereka menyatakan bahawa sorotan kajian itu perlu menjelaskan, meringkaskan, menganalisiskan, mensintesiskan, menilaikan dan menghuraikan sumber kepustakaan yang pengkaji pilih.

Menurut A. Fink (1998), sorotan kajian lepas adalah suatu penelitian yang sistematis dan jelas untuk mengenali, menilai, dan mentafsir hasil-hasil penulisan oleh penyelidik, cerdik pandai, dan juga pengamal dalam bidang berkaitan dengan topik yang ingin dikaji. Penelitian ini harus ditulis dengan teratur supaya hasil kajian dapat dirujuk semula apabila diperlukan. Bukan itu sahaja, hasil penelitian ini juga dapat membantu memudahkan keperluan rujukan.

Selain itu, Bruce L. Berg (1998) juga menyatakan tentang sorotan kajian yang mana sorotan kajian adalah merupakan kaedah untuk menilai secara lebih terperinci

berkaitan skop tajuk kajian yang dikaji. Secara keseluruhannya, maksud sorotan kajian ini adalah berkaitan dengan segala perkara dan kajian lepas yang sudah ataupun telah dinilai, diteliti dan difahami oleh penyelidik yang terdahulu. Sorotan kajian haruslah tepat dan tidak jauh berbeza dengan skop kajian yang pengkaji ingin selidiki. Di samping itu, dengan adanya sorotan kajian ini, sedikit sebanyak telah membantu pengkaji dalam mengenalpasti dan mengetahui serta memahami kajian yang diselidiki dengan lebih mendalam dan berkesan.

## 2.2 SOROTAN KAJIAN

Melalui sorotan kajian ini, pengkaji akan menggunakan maklumat-maklumat atau fakta yang telah dikaji dan diterbitkan serta berkait dengan kajian yang dilakukan. Pengkaji menggunakan bahan-bahan rujukan seperti artikel, jurnal, buku, laman sesawang dan akhbar yang berkaitan dengan tarian.

### 2.2.1 Definisi Umum Tarian

Menurut Mohamad Maulana Magiman & Norhuda Salleh (2017), pada dasarnya tarian Langgie Pengadap ini adalah tarian untuk menyambut tetamu yang datang biasanya dipersembahkan sebagai pembuka majlis dan kemudiannya diikuti dengan tarian Langgie Berokap yang bertujuan untuk memberkati semua tetamu. Pada kebiasaannya, golongan penari generasi tua dan muda akan mempersembahkan tarian-tarian seperti Langgie Bidayung, Berayun dan Ngajat. Hampir sepuluh jenis tarian warisan masyarakat Dayak di Sarawak dipersembahkan untuk menghiburkan para pengunjung. Secara tidak langsung generasi muda Kampung Bunau Gega dan masyarakat luar akan dapat mengenali jenis-jenis tarian tradisional masyarakat Bidayuh di Sarawak.

Menurut Jessica Empayong Anak Gansal (2013), tarian Ngajat adalah salah satu daripada tarian yang sangat penting dalam budaya masyarakat Iban pada masa dahulu. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban sama seperti masyarakat lain yang mempunyai

tarian tersendiri. Mereka sering menarikan tarian Ngajat kerana tarian Ngajat merupakan lambang identiti masyarakat Iban. Oleh hal yang demikian, tarian Ngajat banyak memainkan peranan dalam melangsungkan budaya tradisi masyarakat Iban. Dalam budaya tradisi masyarakat Iban, tarian Ngajat diperlukan dalam bidang ekonomi misalnya tarian Ngajat dapat dikomersialkan sebagai tarian untuk menghibur para tetamu dan untuk menarik minat pelancong. Selain itu, tarian Ngajat juga digunakan sebagai tarian untuk upacara keagamaan seperti ritual.

Menurut Noor (2006), beliau juga berpendapat bahawa terdapat tarian Ngajat yang cukup popular di Negeri Sarawak. Oleh sebab itu, hampir semua masyarakat di negara ini sudah arif dalam mengenali tarian ini. Tarian Ngajat merupakan tarian popular dan tarian ini mempunyai mesej tersendiri yang hendak disampaikan kepada umum. Tarian ini dipercayai bertujuan mengajar masyarakat Iban tentang cara-cara bagaimana untuk berperang pada zaman dahulu. Latihan yang telah diberikan ini merangkumi latihan rohani dan jasmani.

Menurut Royce (1977), tari merupakan salah satu kesenian yang terawal di dunia. Begitu juga kesenian bagi masyarakat Iban di Sarawak yang mempunyai tari yang dipanggil sebagai Ngajat yang bermula sejak dahulu lagi. Ngajat sering dipersembahkan sebagai hiburan mahupun upacara ritual bagi masyarakat Iban di rumah panjang. Suatu ketika dahulu, ngajat ditarikan oleh kaum lelaki Iban selepas berperang dan mereka ini dianggap sebagai ‘Keling’ atau bujang berani dan ngajat ini juga ditarikan untuk menyambut Hari Gawai kaum Iban sempena musim selepas menuai padi. Ngajat lebih menjurus kepada acara ritual dalam sesuatu penyembahan.

Menurut Chemaline Osup (2015), beliau menyatakan terdapat pelbagai jenis tarian Ngajat yang mana merupakan tarian yang paling popular di Negeri Sarawak. Antaranya ialah Ngajat Antu Pala, Ngajat Indu dan yang lain. Keunikan Ngajat memerlukan ketahanan serta penuh gaya imaginasi kerana menunjukkan kekuatan pahlawan Iban pada masa dahulu. Menurut Fransizca Baos (1958), budaya masyarakat

dilihat melalui tarian dalam memberi pengertian kepada etnologi tari. Bagi masyarakat Iban di Sarawak, istilah tari dikenali sebagai ‘ajat’ yang bermaksud menari.

Menurut Noor (2006), sekali lagi beliau berpendapat bahawa tarian merupakan gerakan pada badan serta kaki dan tangan mengikut irama serta rentak muzik atau melodi. Setiap negara mempunyai tarian yang berbeza-beza antara satu sama lain. Di Malaysia misalnya, cukup terkenal sebagai sebuah negara yang mempunyai pelbagai keunikan. Kewujudan pelbagai kaum telah melahirkan kebudayaan yang cukup menarik. Umumnya, setiap kaum mempunyai bentuk dan aras tarian yang berlainan antara satu sama lain yang secara tidak langsung telah menjadi tarikan kepada pelancong luar. Tarian yang dimiliki oleh sesuatu kaum itu bukan sahaja diwarisi secara turun-temurun tetapi juga diubah mengikut kehendak semasa.

Menurut Shafira Sahara (2018), tarian dalam kehidupan masyarakat mempunyai maksud yang penting kerana dapat memberikan pelbagai manfaat. Tarian juga memiliki makna dalam menyampaikan maksud untuk sesuatu acara atau majlis. Makna tarian juga terdapat dalam fungsinya yang lain sama ada sebagai hiburan semata-mata ataupun sebagai interaksi atau komunikasi di antara seni tarian itu dengan masyarakat. Di mana pun tarian itu berada, sudah pasti memiliki makna-makna tertentu sehingga tarian terus bermakna dalam kehidupan masyarakat dari zaman ke zaman. Seni merupakan salah satu karya ciptaan manusia yang memiliki pelbagai jenis bentuk yang sudah diciptakan oleh mereka sejak zaman purbakala.

Seterusnya, Hadi (2005) juga menjelaskan bahawa walaupun wujudnya tarian ini baik dari segi budaya primitif ataupun tarian tradisional atau klasik yang berkembang di istana, tarian yang hidup di sesuatu tempat kaum itu mahupun berkembang dari kawasan pedalaman, bandar atau kawasan luar pedalaman seperti tarian moden iaitu pop dan hip hop, asal usul tarian ini sudah pasti tidak terlepas daripada siapa yang menciptakannya. Kewujudan seni tarian dalam sesebuah tempat yang berasal dari sesuatu kaum itu jelas telah menjadikan kehidupan masyarakat dari dulu sehingga kini semakin menarik.

Kemudian, Sedyawati (2006) turut menyatakan bahawa sudah pasti keunikan dan keindahan tarian yang pelbagai yang mana mencerminkan budaya sesuatu kaum itu adalah dianggap sebagai sesuatu yang luar biasa. Di dalam kebudayaan yang pelbagai itu, tarian dapat tumbuh berkembang dalam bentuk dan gaya masing-masing. Kepelbagaiannya gaya tarian itulah yang akan menambah kekayaan khazanah budaya kita pada umumnya.

### **2.2.2 Definisi Umum Kebudayaan**

Menurut Mila Mardotillah dan Dian Mohammad Zein (2016), beliau mengatakan bahawa kebudayaan dapat dikatakan sebagai suatu sistem peraturan dari makna dan simbol-simbol. Individu-individu dengan pengetahuan dan pengalamannya dapat mendefinisikan, mengekspresikan perasaan-perasaan dan membuat penilaian selama proses waktu perkembangan kebudayaan.

Menurut Garna (2008), beliau menjelaskan bahawa simbol-simbol kebudayaan itu mempengaruhi kehidupan sosial sebagai hubungan satu arah dalam memberi informasi, pengaruh, membentuk kebudayaan secara rasional dan normatif.

Menurut Garna (2008) tentang budaya, beliau juga mengatakan bahawa tindakan budaya adalah garis panduan untuk kehidupan rakyat itu dalam kehidupan. Sebagai contohnya, Silat boleh menjadi salah satu simbol dan garis panduan untuk kehidupan yang dicerminkan dalam setiap pergerakan. Tindakan berfungsi sebagai rujukan untuk mentafsirkan persekitaran, menghadapi, menolak dan menghasilkan kesedaran tindakan yang bermakna dalam menghadapi keadaan sekeliling. Tindakan bermakna ke atas silat adalah kajian falsafah yang menggabungkan warisan budaya, identiti, latihan mental dan fizikal.

Menurut E.B.Tylor, beliau menyatakan bahawa budaya adalah suatu keseluruhan kompleks yang meliputi pengetahuan, kepercayaan, seni, kesusilaan, hukum, adat istiadat, serta kesanggupan dan kebiasaan lainnya yang dipelajari manusia sebagai anggota masyarakat. Manakala Linton pula mendefinisikan budaya adalah keseluruhan dari pengetahuan, sikap dan pola perilaku yang merupakan kebiasaan yang dimiliki dan diwariskan oleh anggota suatu masyarakat tertentu.

Selain itu, menurut Kluckhohn dan Kelly pula, budaya adalah semua rancangan hidup yang tercipta secara historis (sejarah), baik yang eksplisit maupun implisit, rasional, irasional, yang ada pada suatu waktu, sebagai pedoman yang potential untuk perilaku manusia.

Menurut Marven Harris dalam bukunya *Cultural Anthropology, Seventh Edition*, budaya merujuk kepada belajar mengenai tradisi yang diperolehi daripada pemikiran sosial dan tingkah laku yang terdapat dalam masyarakat. Ia juga merupakan gaya hidup yang diperoleh secara sosial, perulangan dalam pemikiran, perasaan dan tindakan. Takrif budaya terdiri daripada corak tindakan (tingkah laku) dan juga pola pemikiran dan perasaan teladan yang ditetapkan oleh Sir Edward Burnett Tylor, pengasas antropologi akademik dalam berbahasa Inggeris dunia dan pengarang buku teks antropologi umum yang pertama:

Budaya dalam erti kata yang luas etnografi ialah keseluruhan kompleks yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan apa-apa keupayaan dan tabiat yang lain yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat. Keadaan budaya dalam kalangan pelbagai masyarakat manusia, setakat mana ia mampu disiasat prinsip umum, adalah subjek yang sesuai untuk kajian semula undang-undang pemikiran manusia dan tindakan.

(Tylor 1871:1)

Menurut Abdul Samad Bin Ahmad, beliau menyatakan dalam bukunya kebudayaan pada umumnya, kebudayaan dalam bahasa Inggeris disebut *culture* iaitu berasal daripada bahasa Latin iaitu *cultura*. Dalam bahasa Mandarin disebut *Wen Hua* dan bahasa Arab disebut *Thaqafah*. Pokok kata kebudayaan ialah budaya. Sebahagian besar ahli kebudayaan kita menyatakan bahawa perkataan budaya adalah berasal daripada budi dan daya. Dua perkataan itu dirangkumkan menjadi budaya. Bu membawa erti asli, pertama, sejati dan yang dipandang sempurna, menyenangkan, bahkan dimuliakan. Daya mengandungi erti akal, jalan fikiran, ciptaan atau bikinan dan yang seumpamanya.

### 2.2.3 Definisi Umum Bahasa

Menurut Geertz, *The Interpretation of Culture* (1973), beliau menjelaskan tentang bahasa sebagai ungkapan simbol dalam berkomunikasi selain simbol bahasa, komunikasi manusia menggunakan tanda dan simbol dalam lukisan, tarian, musik, seni bina, gerak-geri, perhiasan, pakaian, ritual, agama dan lain-lain. Manusia dapat memberikan makna dan persepsi kepada setiap kejadian tindakan atau objek yang berkaitan dengan fikiran, gagasan dan emosi.

### 2.2.4 Definisi Umum Pemeliharaan

Makna pemeliharaan mengikut kamus Dewan Edisi Ketiga tahun 2000 adalah pembuatan memelihara, pembelaan dan perawatan. Selain itu, kamus Dewan Edisi terbaru terbitan tahun 1993 menyatakan bahawa pemeliharaan bermaksud pembuatan memelihara, pembelaan, perawatan dan mengamalkan langkah-langkah asas. Di samping itu penjagaan dari segi pengolahan, penyelenggaraan. Pemeliharaan membawa maksud pembuatan atau hal memelihara, penjagaan, pembelaan (Kamus Pelajar, 2006).

Merujuk kepada buku yang ditulis oleh Syed Zainol Abidin Idid iaitu Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar yang menyatakan bahawa pemeliharaan merupakan istilah yang umum yang membawa maksud segala kaedah yang terlibat untuk menjaga sesuatu tempat bagi tujuan memelihara kepentingan budaya. Dalam pemeliharaan tindakannya adalah termasuk perawatan dan mengikut keadaan tertentu termasuk pengekalan, pemulihan, pembangunan semula dan penyesuai guna. Jika dikaitkan dengan kajian ini, pemeliharaan adalah bermaksud memelihara kepentingan budaya. Sekiranya tarian ‘Langgie Pingadap’ ini tidak didedahkan kepada generasi pada hari ini maka tidak mustahil jika seni budaya tari tradisional kaum Bidayuh ini akan pupus pada suatu hari nanti.

Dalam buku Pemuliharaan dan Pemeliharaan Warisan di Malaysia yang ditulis oleh Abdul Aziz Hussin, Definisi Warisan berdasarkan seksyen 2, perkara taksiran dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) membawa maksud Warisan Kebudayaan termasuklah bentuk ketara atau tidak ketara bagi harta, struktur atau artifak kebudayaan dan ia merangkumi objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzik warisan iaitu perkara-perkara yang penting dalam hidup kehidupan rakyat Malaysia dari aspek sejarah atau semasa, atas atau dalam tanah atau warisan kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara, tetapi ia tidak merangkumi warisan semula jadi. Menurut beliau juga, warisan kebudayaan tidak ketara ia merangkumi mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu yang dihasilkan melalui muzik, not, lirik yang boleh diperdengarkan, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, muzik, tarian sebagaimana yang dilakukan melalui seni pentas, persempahan teater, penggubahan bunyi dan muzik, seni mempertahankan diri iaitu yang telah wujud atau wujud berhubung dengan warisan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau berhubung dengan warisan masyarakat Malaysia.

### 2.2.5 Definisi Umum Warisan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, menyatakan bahawa warisan adalah harta peninggalan, harta pusaka atau sesuatu yang diwarisi, sesuatu yang turun-temurun atau sesuatu peninggalan.

### 2.2.6 Definisi Umum Seni

Menurut Boettinger (1994), beliau mentakrifkan pengurusan suatu seni mewujudkan ketertiban kepada keadaan kucar-kacir. Melukis atau menulis puisi atau sebarang bentuk seni sastera atau seni halus memerlukan tiga komponen, iaitu impian pelukis, asas kemahiran dan kejayaan dari segi penyampaian. Kemahiran melukis boleh dipertingkatkan melalui latihan, maka kemahiran pengurusan juga boleh dikembangkan dengan cara-cara yang sama seperti yang digunakan untuk melatih para pelukis yang lain.

Menurut Mohd Fauzi Bin Sedon @ M. Don dalam buku Pendidikan Seni Visual dan Muzik editornya Mohd Johari Ab. Hamid, seni merupakan hasil buatan manusia yang menggunakan bahan yang diatur dengan mahir untuk menyuarakan pengalaman manusia. Jika dilihat kepada kajian yang dilakukan oleh pengkaji, tarian ‘Langgie Pingadap’ merupakan salah satu medium komunikasi dalam perayaan Hari Gawai Dayak. Pada awalnya, tarian ‘Langgie Pingadap’ merupakan seni persembahan ritual yang diamalkan dalam upacara Gawai bagi mengucap rasa syukur di atas hasil padi yang dapat dituai setiap tahun. Dalam masa yang sama, tarian ‘Langgie Pingadap’ ini merupakan salah satu seni budaya warisan yang mampu menjadi identiti masyarakat Bidayuh di Sarawak. Tambahan pula, tarian ini jika diamalkan pada masa kini maka iaanya sudah menggambarkan suatu pengalaman dari masa lampau iaitu sebagai satu tarian tradisi kaum Bidayuh sejak turun-temurun untuk mengekspresikan pengalaman dalam mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’.

### 2.2.7 Tarian Sebagai Identiti Sesebuah Masyarakat

Tarian sangat berkait rapat dengan objek dan lambang seperti yang disebut dalam teori Semiotik yang boleh dirujuk sebagai sebuah identiti. Setiap masyarakat mempunyai identiti mereka yang tersendiri dan hal ini telah membantu setiap masyarakat mengenali sesuatu kaum itu dari identiti asli mereka. Menurut Rakhmat (1989), budaya itu merujuk kepada segala jenis budaya termasuklah tarian yang memberi identiti terhadap sesuatu masyarakat itu dan hal ini membolehkan masyarakat lain mengenali masyarakat lainnya melalui perbezaan ataupun keunikan yang mereka punya. Berikut adalah aspek-aspek lain yang boleh menjadi identiti kepada sesuatu masyarakat atau kaum itu.

#### i) Bahasa

Bahasa merupakan medium untuk berkomunikasi yang disatukan dalam kalimat, kata dan klausa serta dituturkan secara lisan ataupun secara penulisan. Dalam kajian yang dijalankan, bahasa Bidayuh juga terdiri daripada pelbagai jenis bahasa dan intonasi yang berbeza mengikut sub-etnik masing-masing. Sebagai contoh, perkatan gatal disebut sebagai “tihik” oleh Bidayuh Bukar manakala Bidayuh Sadong akan menyebutnya sebagai “gatel”. Walaubagaimanapun, melalui bahasa, masyarakat dapat mengenali identiti seseorang tanpa perlu tanya dari mana asal usul mereka.

#### ii) Pakaian

Secara umumnya, pakaian merujuk kepada kain yang dipakai ke tubuh dan segala yang dipakai manakala pakaian tradisional ialah merupakan satu pakaian yang mencerminkan sifat dan ciri penting dalam sesuatu budaya masyarakat itu. Bagi kaum Bidayuh, terdapat pelbagai jenis pakaian dari sub-etnik yang berbeza misalnya pakaian tradisional Bidayuh Selako tidak sama dengan pakaian tradisional Bidayuh Bukar dan Sadong. Pakaian lelaki bagi kedua-duanya masih sama tetapi bukan untuk pakaian wanita. Bagi pakaian tradisional wanita Bidayuh Selako, warna asas baju ialah warna

putih dan dihiasi dengan warna lain seperti merah dan hitam manakala pakaian tradisional wanita Bidayuh Bukar dan Sadong ialah warna hitam gelap dan sedikit warna merah pada bahagian leher dan lenggan serta di tengah-tengah baju.

### 2.2.8 Warisan Tidak Ketara

Menurut laman web rasmi *Ministry Of Communications and Multimedia Malaysia* (KKMM), warisan tidak ketara adalah ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui tradisi lisan, nilai-nilai adat dan budaya, bahasa dan persuratan seperti acara perayaan, ritual dan kepercayaan, seni persesembahan, seni tampak, seni perubatan tradisional, sukan dan permainan tradisional. Manakala, menurut portal rasmi Jabatan Warisan Negara melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 menjelaskan bahawa warisan tidak ketara melibatkan pengekalan warisan yang wujud berhubung dengan warisan Malaysia yang mempunyai nilai estetik yang tinggi. Menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2015), beliau menjelaskan definisi warisan budaya tidak ketara merujuk kepada sesuatu yang diciptakan oleh sekelompok masyarakat bagi tujuan untuk melengkapinya kehidupan seharian mereka. Warisan tidak ketara seperti seni persesembahan, acara perayaan dan sebagainya dikatakan boleh dikekalkan jika dijaga dan diamalkan dengan cara yang betul supaya dapat diperlihatkan kepada generasi baru.

## 2.3 KESIMPULAN

Bab ini menghuraikan secara menyeluruh tentang sorotan kajian berkaitan dengan kajian lepas yang telah diselidiki oleh para penyelidik terdahulu. Kajian-kajian lepas yang dirujuk adalah berkaitan dengan topik yang hampir sama dengan kajian yang pengkaji telah pilih. Walaubagaimanapun, keseluruhan kajian lepas yang dipetik adalah kurang berfokus kepada pengekalan tarian ‘Langgie Pingadap’ tetapi hanya tertumpu kepada kajian ringkas berkaitan tarian yang ada di Malaysia.

Pandangan para penyelidik terdahulu yang berbeza-beza telah membantu pengkaji dalam memahami sudut kajian secara menyeluruh. Di samping itu, pandangan para penyelidik ini juga akan dijadikan sebagai garis panduan untuk pengkaji menjalankan kajian dengan lebih terperinci dan padat. Selain itu, dengan adanya kajian lepas ini juga membantu pengkaji dalam menyokong kajian pengkaji dan pengkaji juga boleh membuat perbandingan tentang tarian dalam seluruh kalangan sub-etnik Bidayuh yang ada. Dengan ini, pengkaji dapat mengenalpasti sejarah dan perkembangan, mengkaji perbandingan dan membincangkan kaedah untuk mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ masyarakat kaum Bidayuh amnya.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan kaedah, cara, pendekatan ataupun teknik pengumpulan data yang digunakan untuk mencapai objektif ataupun matlamat sesuatu kajian yang dijalankan. Untuk menghasilkan kajian ini, pengkaji merancang dengan teratur dalam mendapatkan maklumat dan data yang diinginkan dengan menggunakan beberapa kaedah tertentu bagi menyiapkan kajian ini. Pengumpulan data juga dilakukan dengan menggunakan kaedah temubual, kaedah lapangan, kaedah kepustakaan dan kaedah internet.

#### 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian ditakrifkan sebagai pengolahan data dan maklumat berdasarkan pelaksanaan kajian dengan lebih khusus dan tepat tentang konsep pembentukan. Sabitha (2006) telah menerangkan dalam artikel yang ditulisnya tentang rekabentuk kajian memainkan peranan yang dominan dengan memberi tafsiran berdasarkan penyelidikan dan sebagai garis panduan dalam menganalisis data dan maklumat kepada para penyelidik ke atas penyelidikan yang ingin dikaji. Dengan ini, pengkaji dapat memastikan bahawa rekabentuk kajian yang digunakan dapat mengatasi masalah penyelidikan dengan berkesan. Selain itu, rekabentuk kajian secara ringkasnya adalah

untuk tujuan pengumpulan, pengukuran dan menganalisis data. Masalah dalam penyelidikan kajian yang dipilih menentukan jenis rekabentuk yang harus pengkaji gunakan. Dengan ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif bagi menjalankan kajian ini.


### 3.2.1 Kualitatif

Kaedah kualitatif merupakan kaedah atau prosedur penyelidikan yang berasaskan kualiti. Kualitatif lebih ke arah menghuraikan maksud dan tujuan tentang isu yang ingin dikaji. Ia juga bersifat deskriptif, kurang berstruktur, tertumpu kepada proses sahaja dan hanya meliputi keperluan responden yang sedikit dalam aspek skop kajiannya. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2018), penyelidikan kualitatif dan kuantitatif adalah tidak sama yang mana masing-masing mempunyai bentuk data yang tersendiri. Kaedah seperti temubual, menganalisis dokumen dan pemerhatian serta lapangan merupakan antara contoh penyelidikan di bawah kualitatif. Kaedah penyelidikan kualitatif yang pengkaji pilih untuk menjalankan kajian ini digunakan untuk tujuan mendapatkan segala maklumat yang berkaitan dengan permasalahan dan persoalan kajian dalam mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini.

## 3.3 PENGUMPULAN DATA

Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data adalah proses pengumpulan pembolehubah dan penyelidik akan menentukan prosedur, teknik serta aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajiannya. Kaedah pengumpulan data yang sesuai sangat perlu bagi memastikan data yang diperoleh tepat dan sesuai dengan tujuan kajian dilakukan. Lazimnya, penggunaan satu kaedah sahaja tidak memberikan gambaran yang sebenar mengenai sesuatu persoalan kajian. Oleh yang demikian, pengkaji perlu menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data yang sesuai untuk mendapat maklumat dan data tentang persoalan kajian. Sumber data ialah segala

sesuatu yang dapat memberikan maklumat mengenai data yang ingin dikaji. Berdasarkan sumber, data dibezakan menjadi dua iaitu data primer dan data sekunder.



Gambar 6: Pengumpulan Data

Sumber: Slaid Pembentangan

### 3.3.1 Data Primer

Sumber primer didefinisikan sebagai data yang diperolehi daripada sumber asli bagi menjawab persoalan kajian melalui proses menemubual, membuat pemerhatian dan kajian lapangan. Pengumpulan data dari sumber primer secara aktif berdasarkan temubual adalah untuk mendapatkan data dan maklumat dengan tepat. Menurut Yusof (2003), data primer adalah data yang berasal dari sumber asli yang dikumpul untuk menjawab persoalan kajian. Data-data ini dikumpul oleh penyelidik melalui proses eksperimental atau kajian lapangan seperti soal selidik, pemerhatian, temubual dan sebagainya. Data primer merujuk kepada sumber data yang tidak tersedia di dalam fail atau laporan. Dalam bidang penyelidikan sains sosial, data-data ini boleh dikumpulkan daripada individu, kumpulan fokus atau melalui panel pakar. Pengumpulan data primer boleh dilakukan secara pasif dan aktif. Terdapat beberapa kaedah sumber primer yang

pengkaji pilih untuk digunakan dalam menjalakankan kajian ini. Antaranya adalah seperti berikut:

### i) **Kaedah Temubual**

Kaedah temubual merupakan kaedah yang kerap digunakan dalam mendapatkan maklumat, data dan sumber yang asli. Menurut Noraini (2010), protokol temubual terdiri daripada pengenalan, soalan pembuka, soalan kunci, soalan-soalan berkaitan soalan kunci dan soalan penutup perlu disediakan. Protokol temubual membantu menjawab persoalan penyelidikan. Manakala menurut Titchie & Lewis (2003), temubual dapat menjelaskan tentang corak pemikiran seseorang responden. Selain itu, Best dan Kahn (2003) dan Ahmad Sunawari (2009) juga menjelaskan bahawa temubual merupakan soal selidik atau cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lisan dari seseorang responden melalui cara percakapan secara berhadapan dengan seseorang. Kelebihan temubual adalah penemubual boleh menerangkan dengan jelas tujuan kajian dan jenis maklumat yang diinginkan. Maklumat temubual akan direkod melalui rakaman audio dan catatan nota. Kaedah temubual secara berstruktur akan digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan kaedah ini, pengkaji berperanan sebagai moderator akan menyediakan soalan dan memandu jawapan yang diberikan responden. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji akan menemubual lapan orang responden tentang tarian ‘Langgie Pingadap’ iaitu individu yang menetap di Kampung Rayang yang tahu tentang sejarah tarian dan masih mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’ serta mengekalkan budaya asli tarian tradisional kaum Bidayuh ini. Temubual ini dibuat bagi mendapatkan data yang asli daripada orang yang berpengalaman.

### ii) **Kaedah Pemerhatian**

Pemerhatian memainkan peranan yang penting dalam sesbuah penyelidikan. Menurut Suseela (2001), melalui pemerhatian dapat mengumpul data dan maklumat yang

diperlukan dan ini sekaligus boleh mempengaruhi rasa percaya terhadap kajian yang ingin dilaksanakan. Pengkaji telah menjalankan kaedah pemerhatian di kawasan atau lokasi yang sesuai dan berkaitan dengan penyelidikannya iaitu lokasi yang melibatkan masyarakat yang ramai. Pengkaji juga memastikan lokasi yang dipilih mempunyai penduduk yang berbangsa Bidayuh yang ramai iaitu di kawasan Bahagian Serian, Sarawak. Kawasan yang dipilih ini adalah berdasarkan pemerhatian terutamanya kaum Bidayuh yang masih mempersesembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’ dan juga kampung Bidayuh yang masih mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’. Melalui kaedah pemerhatian ini, pengkaji dapat memastikan bahawa pemduduk Bidayuh di tempat atau lokasi yang pengkaji pilih masih wujud dan relevan untuk menjalankan kajian. Berdasarkan kaedah pemerhatian ini juga, kebanyakan penduduk di kawasan tersebut yang lebih arif tentang tarian ‘Langgie Pingadap’ ialah terdiri daripada golongan orang yang berusia kerana mereka lebih berpengalaman berbanding golongan muda yang tahu tentang tarian ini tetapi tidak mendalam dan memahaminya dengan mendalam.

### iii) Kaedah Lapangan

Melalui kaedah lapangan ini, pengkaji akan pergi ke Kampung Rayang, Serian dan tempat tertentu di kawasan Bahagian Serian untuk mengenali dengan lebih dekat lagi suasana di tempat berkenaan. Pengkaji juga akan pergi ke kampung ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada tokoh dan orang tua yang berpengalaman berkaitan dengan tajuk yang dipilih. Dengan adanya kajian lapangan dapat memudahkan pengkaji untuk memahami keadaan atau situasi yang dikaji itu dengan lebih teliti dan mendalam.

#### 3.3.2 Data Sekunder

Pengkaji juga memilih untuk mengumpul maklumat dan data berkaitan dengan tajuk kajian melalui kaedah sekunder. Kaedah sekunder adalah kaedah yang dijalankan berdasarkan bahan-bahan ilmiah yang akan dijadikan rujukan dan panduan dalam sesuatu kajian. Menurut Marican (2005), data sekunder boleh dirujuk sebagai data yang

telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Sebagai contoh, data-data yang lepas atau terdahulu akan dikumpul untuk tujuan kajian. Data-data tersebut masih lagi sesuai dan relevan untuk digunakan bagi menjawab persoalan kajian atau dikembangkan kepada informasi mahupun formulasi yang baru untuk kajian pada masa kini. Maklumat atau bahan terbitan yang dikumpul oleh penyelidik lain boleh digunakan sebagai rujukan untuk mencipta formula atau informasi baru bagi menyelesaikan masalah yang timbul pada masa kini mahupun masa depan. Contoh data sekunder yang boleh didapati adalah dokumen awam seperti demografi penduduk, arkib, dokumen pentadbiran, laporan formal, majalah, surat khabar, dan sebagainya.

### i) **Kaedah Kepustakaan**

Menerusi kaedah kepustakaan, pengkaji akan membuat penyelidikan di perpustakaan yang berdekatan iaitu di kawasan bandar Serian yang mana pengkaji telah mengenalpasti buku-buku atau bahan ilmiah yang berkaitan dengan usaha pemuliharaan dan pengekalan seperti kajian yang dilakukan ini. Menurut Mohd Shaffie (1991), kajian kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan oleh seseorang penyelidik atau penulis untuk mendapat data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod-rekod yang sedia ada. Langkah ini membolehkan pengumpulan data yang bersifat sekunder dapat dilakukan bagi menyokong daptan kajian. Fungsinya adalah bagi memberikan gambaran permulaan dan hala tuju kajian pengkaji. Peranan sumber dari perpustakaan amatlah penting untuk menjalankan penyelidikan kajian ini selain mendapatkan maklumat tentang tarian ‘Langgie Pingadap’ seperti sejarah dan asal usul serta maklumat yang lain. Daripada hasil karya dan rujukan, pengkaji dapat mengetahui tentang kewujudan dan keistimewaan ataupun keunikan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Di samping itu, buku-buku yang diperolehi daripada sumber perpustakaan pasti ada yang berkaitan dengan segala jenis tarian masyarakat kaum Bidayuh selain tentang asas sejarah Bidayuh. Melalui kaedah kepustakaan ini, pengkaji dapat menerokai dengan lebih luas lagi maklumat kajian pengkaji yang bertajuk pengekalan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam kalangan masyarakat Bidayuh.

## ii) Internet

Seterusnya, sumber internet juga memainkan peranan kepada para pengkaji yang menjalankan penyelidikan. Pengkaji juga telah mendapatkan maklumat atau data yang lebih luas dan terperinci tentang skop kajian melalui sumber rujukan internet. Sumber internet merupakan kaedah yang awal dilaksanakan oleh para pengkaji sebelum menjalankan sesuatu kajian berdasarkan tajuk yang dipilih. Pengkaji telah melayari laman sesawang untuk mendapatkan maklumat tentang tarian ‘Langgie Pingadap’. Sebagai contoh, sumber maklumat yang dikeluarkan dalam portal rasmi Lembaga Warisan Negara yang mendefinisikan maksud warisan tidak ketara yang mana sekaligus telah memberikan pemahaman tentang seni persembahan yang tergolong dalam warisan tidak ketara dianggap telah membantu pengkaji untuk memastikan bahawa topik dan sokongan ke atas kajian yang dijalankan dapat dihuraikan. Pengkaji juga dapat menggunakan sumber internet ini dengan baik dan turut melayari jurnal-jurnal di *Google Scholar* berkaitan tarian ‘Langgie Pingadap’ sama ada dari segi sejarah dan asal usul mahupun dari aspek lainnya. Secara keseluruhannya, kaedah melayari internet ini membantu pengkaji dalam menjalankan kajian yang ditetapkan berjalan dengan lancar.

## 3.4 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen merupakan alatan yang diperlukan oleh pengkaji untuk mengumpul data atau maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Alatan yang digunakan dapat membantu pengkaji dari segi memudahkan urusa temubual, kerja lapangan dan sebagainya semasa kajian dijalankan. Selain itu, urusan merekod data atau maklumat akan lebih mudah diperoleh dengan adanya instrumen kajian berkenaan. Antara instrumen yang digunakan oleh pengkaji ialah seperti berikut:

### 3.4.1 Kamera

Dalam mendapatkan segala maklumat dan data untuk penyelidikan ini, pengkaji akan menggunakan kamera bagi mengambil gambar dan maklumat yang penting untuk mengumpulkan maklumat. Seterusnya, kamera juga digunakan untuk merakam dan merekod maklumat melalui proses fotografi semasa temubual dan kerja lapangan dijalankan bersama responden. Hal ini dapat memudahkan pengkaji untuk dijadikan bukti sahih bagi mendapatkan maklumat yang diperolehi serta digunakan untuk menghasilkan dokumentari.

### 3.4.2 Telefon Pintar

Selain itu, semasa temubual secara berstruktur dilakukan ke atas responden, instrumen telefon pintar digunakan untuk menghubungi para responden tertentu secara atas talian. Telefon pintar digunakan sebagai medium untuk menemubual responden tersebut bagi memperolehi maklumat yang diinginkan terutamanya responden yang tidak mampu untuk ditemui semasa menjalankan kajian atau responden yang tidak mahu melakukan temubual bersemuka di atas faktor keadaan semasa iaitu jangkitan wabak Covid-19 yang boleh membahayakan kesihatan tanpa disedari.

### 3.4.3 Buku Catatan

Selain itu, instrumen yang paling penting bagi pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan penyelidikan ialah buku catatan. Semua isi dan maklumat penting mengenai keseluruhan kajian termasuklah jawapan temubual dan sebagainya yang telah dikumpul akan ditulis dalam buku catatan sebagai bukti untuk merekod data atau maklumat tersebut. Buku catatan juga akan dirujuk sekiranya ada data atau maklumat yang diingini tercincir semasa sesuatu proses penyelidikan dijalankan. Akan tetapi, buku catatan ini harus disimpan dengan elok dan rapi agar segala maklumat yang telah

diperoleh tidak hilang atau pudar mahupun mengalami kerosakan seperti kertas koyak dan sebagainya.

### **3.5 ANALISIS DATA**

Pada peringkat akhir kajian ini, dapatan kajian akan dianalisis secara deskriptif bagi tujuan menganalisis data melalui kaedah yang telah digunakan. Kajian ini bersifat kualitatif kerana semua data yang telah diperoleh akan dikumpul melalui lima urutan aktiviti iaitu mengumpul dan memahami data, menyusun kod, mencari tema, mengesahkan kesahihan data dan kesimpulan dan menulis laporan.

Dalam mendapatkan data-data serta maklumat mengenai maklumat kajian, pengkaji telah melakukan beberapa perkara yang dirasakan penting bagi tujuan ini. Salah satunya ialah pengkaji membuat kajian-kajian rintis seperti melakukan kajian terhadap penyelidikan-penyelidikan yang lepas. Untuk tujuan ini, pengkaji telah menggunakan sebaik mungkin kemudahan internet yang luas dan perkhidmatan awam yang telah disediakan iaitu di Perpustakaan Awam Bahagian Serian, Sarawak.

Akhir sekali, pengkaji juga menjadikan sampel kajian sebagai responden untuk mendapatkan seberapa banyak maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Sebelum pengkaji mendapatkan data secara terperinci daripada responden kajian, pengkaji terlebih dahulu akan mendapatkan kebenaran daripada pihak universiti untuk memberi kebenaran agar kajian tinjauan dan soal selidik ini dapat dilakukan.

### **3.6 KESIMPULAN**

Secara umumnya, bab ini telah menghuraikan tentang metodologi kajian dan kaedah analisis yang digunakan dalam penyelidikan secara menyeluruh. Perbincangan bahagian metodologi kajian ini meliputi rekabentuk kajian yang digunakan, data-data

ataupun maklumat yang dikumpul oleh pengkaji dari sumber primer iaitu dengan kaedah pemerhatian, kaedah lapangan dan temu bual iaitu menemubual 10 orang respondan di mana merupakan individu yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam tentang tarian ‘Langgie Pingadap’

Sumber sekunder pula terdiri daripada kaedah perpustakaan dan kaedah melayari internet. Pengkaji akan mendapatkan maklumat lanjut tentang tarian dengan mencari bahan ilmiah yang berkait di perpustakaan dan juga turut melayari internet bagi menambahkan serta mengukuhkan maklumat yang ada. Terdapat juga instrumen kajian iaitu kamera, telefon pintar dan buku catatan untuk mendapatkan maklumat yang tepat.

Metodologi kajian merupakan suatu kaedah kajian yang boleh digunakan bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci dan sahih berdasarkan aspek kajian yang dikaji. Oleh itu, metodologi kajian yang digunakan sedikit sebanyak membantu pengkaji dalam menjalankan penyelidikan berkaitan pengekalan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam kalangan masyarakat Bidayuh ini.

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Negara Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada pelbagai masyarakat yang berbilang kaum dan agama. Bukan itu sahaja, Malaysia juga kaya dengan adat dan budaya yang diamalkan dan dikekalkan oleh masyarakat sehingga ke hari ini. Maka dengan itu, kepelbagaian budaya yang ada ini telah mewujudkan kesenian dalam kehidupan masyarakat iaitu seni persembahan. Perkara ini boleh dilihat ke arah Barat Malaysia iaitu negeri Sabah yang terkenal dengan tarian tradisionalnya iaitu tarian Sumazau yang mendapat tempat dalam hati seluruh masyarakat Sabah sekaligus masyarakat di luar negeri Sabah. Contoh negeri lain yang mempunyai seni tarian tradisional ialah seperti negeri Johor di mana tarian ini sangat dikenali dengan tarian Kuda Kepang di seluruh negeri yang ada di Malaysia bahkan juga terkenal di serata dunia.

Begitu juga dengan ‘Bumi Kenyalang’ iaitu negeri Sarawak pasti mempunyai tarian tradisional yang tersendiri. Tarian tradisional yang paling dikenali di Sarawak ialah tarian ‘Ngajat’ yang begitu popular dipersembahkan oleh masyarakat Dayak terutamatnya kaum Iban. Tarian ‘Ngajat’ kebiasanya dipersembahkan oleh golongan lelaki dan wanita. Selain daripada tarian ‘Ngajat’, tarian dari kaum Bidayuh juga tidak kalah popular di seluruh negeri Sarawak. Tarian yang dimaksudkan ialah tarian ‘Langgie Pingadap’. Tarian ‘Langgie Pingadap’ merupakan tarian yang pada asalnya dipersembahkan ketika musim menuai padi berakhir. Tarian ini akan dipersembahkan

oleh golongan wanita sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan di atas rezeki padi yang diperoleh pada setiap tahun. Tetapi pada masa kini, tarian Langgie Pingadap ini dikenali dengan tarian tradisional orang Bidayuh untuk menyambut kedatangan tetamu yang datang melawat ke kawasan Bidayuh.

Secara umumnya, didapati bahawa kehadiran tarian dalam kehidupan manusia awal adalah sebagai keperluan ritual untuk fungsi penyembuhan penyakit, tolak bala, semangat padi dan upacara lain. Dalam konteks di Malaysia, Siti Zainon Ismail (1980) dan Mohd Ghous (1994) memberikan penjelasan yang kukuh dalam beberapa tarian rakyat Melayu yang bersifat ritual. Antara contoh tarian Melayu yang berkait dengan ritual ialah tarian Kuda Kepang, Makyong, Bubu, Dabus dan pelbagai lagi tarian ritual. Dalam kajian Djamarai (1996), sebagai contoh asal usul tarian dikaitkan dengan ritual. Ritual dapat ditinjau dari segi cara dan tujuan. Ada ritual yang bertujuan untuk bersyukur kepada Tuhan, mengingatkan diri kepada Tuhan agar mendapatkan keselamatan dan rahmat, memohon ampun atas kesalahan yang dilakukan dan ritual perkahwinan serta kematian. Menurut Sach (1963) dalam kajiannya mencatatkan bahawa persembahan tarian dapat diketahui daripada latar belakang tarian, bentuk ragam gerak tarian serta bentuk kekuatan supernatural dalam tarian ritual. Pengkaji ini sendiri juga mencatatkan bahawa tarian mempunyai dua fungsi iaitu bertujuan magis iaitu ritual dan sebagai tontonan iaitu hiburan. Fungsi magis atau ritual yang dimaksudkan adalah untuk mempengaruhi keadaan dunia, manusia, serta lingkungannya seperti hujan, kesuburan, sakit, kematian, percintaan dan sebagainya (Sach, 1963).

Dalam bab ini, pengolahan mengenai dapatan kajian hasil daripada data yang diperoleh melalui kaedah temubual, pemerhatian, lapangan serta analisis dokumen akan dijalankan. Data yang diperoleh ini melibatkan responden yang sudah berumur, arif dan mempunyai pengetahuan yang dalam berkenaan tarian tradisional kaum Bidayuh iaitu tarian ‘Langgie Pingadap’. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif yang mana bertujuan untuk mendapatkan data-data yang tepat dan lebih terperinci mengenai tarian tradisional kaum Bidayuh ‘Langgie Pingadap’ mengikut objektif yang telah dipilih dan ditetapkan iaitu:

- i. Mengenalpasti sejarah dan perkembangan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam masyarakat Bidayuh.
- ii. Mengkaji perbandingan tarian ‘Langgie Pingadap’ yang dahulu dengan yang kini.
- iii. Membincangkan usaha untuk memulihara dan mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ sebagai identiti kaum Bidayuh.

#### **4.2 ANALISIS TEMUBUAL RESPONDEN**

Dalam bab ini, data-data yang diperolehI adalah hasil daripada temubual dengan responden yang berumur, arif tentang tarian ‘Langgie Pingadap’ dan mempunyai pengetahuan yang dalam tentang tarian khususnya yang pernah mengalami situasi sebenar dari segi pengurusan, penglihatan mahupun menjadi penari dalam mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini. Kaedah temubual yang digunakan ini merupakan kaedah pendekatan kualitatif seperti mana yang dinyatakan oleh Denzin dan Lincoln (1994) bahawa kaedah kualitatif mempunyai pelbagai kaedah yang mana mempunyai kaedah berfokus dan penyelidikan secara semulajadi dalam mengkaji sesuatu perkara.

Analisis yang dilakukan oleh pengkaji dikategorikan kepada tiga aspek iaitu yang pertama adalah mengenalpasti sejarah dan perkembangan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam masyarakat Bidayuh, yang kedua pula adalah mengkaji perbandingan tarian ‘Langgie Pingadap’ yang dahulu dengan yang kini dan sterusnya yang ketiga adalah untuk membincangkan usaha untuk memulihara dan mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ sebagai identiti kaum Bidayuh yang mana aspek-aspek ini berpaksikan kepada objektif kajian yang telah pengkaji pilih dan tetapkan. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat memperoleh data yang lebih tepat dan terperinci hasil daripada jawapan yang telah diberikan oleh responden yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mendalam tentang tarian tradisional atau seni persembahan ini. Di samping itu, terdapat beberapa kaedah yang digunakan dalam mendapatkan data daripada kajian ini iaitu:

#### 4.2.1 Kaedah Temubual

Temubual adalah kaedah yang digunakan dalam dapatan kajian. Hal ini kerana kaedah ini merupakan kaedah yang bersesuaian bagi memperoleh data yang lebih terperinci dan tepat hasil daripada sepuluh individu yang pengkaji pilih yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mendalam tentang tarian ‘Langgie Pingadap’. Pada tahap ini, pengkaji telah melakukan temubual bersama dengan lapan responden yang mana kesemua responden merupakan orang Bidayuh yang berasal dari Kampung Rayang dan juga mempunyai latar belatang sebagai penari tarian ‘Langgie Pingadap’ pada masa dahulu. Menurut Robson (2011), teknik temubual ini mempunyai potensi dalam menghasilkan kajian yang kaya dan menyerlah.

#### 4.2.2 Pemerhatian

Pemerhatian adalah kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan temubual kerana kaedah ini merupakan kaedah awal yang membantu pengkaji untuk mengenalpasti dan memperoleh data daripada para responden yang tepat dan sesuai. Pemerhatian dijalankan sebelum dan semasa proses pengumpulan data dijalankan. Hal ini demikian kerana bagi memastikan data ataupun maklumat yang disalurkan betul dan tidak lari daripada objektif soalan yang diajukan iaitu berkaitan dengan tarian tradisional kaum Bidayuh, ‘Langgie Pingadap’ dan bukan tarian ‘Langgie’ yang lain.

#### 4.2.3 Lapangan

Kajian lapangan juga merupakan kaedah yang memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan analisi temubual. Pengkaji harus pergi ke rumah responden sendiri untuk melaksanakan temubual bagi memperoleh data dan maklumat yang diperlukan. Dengan kaedah ini, pengumpulan data dan maklumat tentang tarian ‘Langgie Pingadap’ bukan sahaja dapat diperolehi dengan mudah tetapi kaedah ini juga akan membantu pengkaji untuk memahami setiap isi dan jawapan yang diberikan oleh para responden

sekaligus dapat memastikan dengan teliti bahawa jawapan yang diberikan itu adalah asli dan tidak diolah dari orang lain.

#### **4.2.4 Dokumentasi**

Pendokumentasian merupakan kaedah yang digunakan dalam kajian ini hasil daripada temubual. Pendokumentasian ini berperanan dalam mengukuhkan data yang diperoleh daripada responden dari awal sehingga akhir proses temubual. Hal ini demikian kerana setiap jawapan yang diperolehi akan diteliti dan akan ditukarkan ke dalam bentuk transkrip bagi memastikan setiap jawapan yang direkodkan akan didokumentasi dengan lebih baik. Perkara ini juga dapat memberikan cara atapun langkah kepada pengkaji dalam memastikan perbezaan jawapan di antara setiap responden serta memudahkan proses mengklasifikasikan jawapan tersebut mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan.

### **4.3 DAPATAN KAJIAN**

Keseluruhan tentang data yang telah diperoleh bagi dapatan kajian ini adalah dibahagikan kepada tiga bahagian yang mana bahagian pertama adalah perbincangan berdasarkan soalan-soalan yang berkaitan dengan objektif pertama iaitu tiga soalan yang disediakan. Bahagian dua pula berkaitan dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan objektif kedua di mana terdapat tiga soalan yang disediakan juga manakala bahagian yang ketiga adalah berkaitan dengan soalan-soalan berdasarkan objektif yang ketiga dan terdapat dua soalan yang telah disediakan. Dapatan yang dipaparkan dalam bab ini menggambarkan interpretasi penyelidik daripada data yang diperoleh dalam bentuk temu bual, pemerhatian, lapangan dan dokumentasi lalu diuraikan berdasarkan urutan soalan-soalan kajian.

### 4.3.1 Mengenalpasti Sejarah Dan Perkembangan Tarian ‘Langgie Pingadap’ Dalam Masyarakat Bidayuh

Tarian tradisional kaum Bidayuh iaitu tarian ‘Langgie Pingadap’ merupakan tarian ataupun seni persembahan yang berasal daripada negeri Sarawak yang mana kewujudan tarian ini telah menjadi identiti kepada masyarakat Bidayuh dari zaman dahulu sehingga ke hari ini. Menurut Chua Seok Fang (2016), tarian tradisional melambangkan identiti kaum dan bangsa tersebut. Tarian tradisional adalah budaya kaum yang diwarisi oleh generasi ke generasi akan datang. Tarian tradisional perlu dikenalkan, memelihara dan memulihara agar tidak ditelan zaman. Masyarakat Malaysia mempunyai pelbagai tarian tradisional yang daripada pelbagai etnik di Malaysia. Tarian-tarian tradisional membawa keunikan, keistimewaan kepada rakyat dan negara. Tarian tradisional bukan hanya melambangkan identiti kaum, malahan juga boleh megeratkan perpaduan antara etnik-etnik di Malaysia.

Melalui temu bual yang dijalankan, salah satu responden iaitu Encik Chuno Anak Rohung, berumur 65 tahun iaitu selaku pemain ataupun penari tarian ‘Langgie Pingadap’ dari zaman dahulu sehingga kini mengatakan bahawa sejarah tarian ‘Langgie Pingadap’ ini tidak dapat dikesan bilakah ianya wujud lalu mula dipersembahkan. Hal ini dikatakan sedemikian kerana nenek dan datuk moyang beliau pada zaman dahulu menceritakan bahawa tarian ini sememangnya sudah wujud ketika mereka masih muda. Encik Chuno juga mengatakan bahawa selepas wujud dan bermulanya sambutan perayaan Hari Gawai dalam kalangan masyarakat Bidayuh zaman dahulu sudah adanya tarian ‘Langgie Pingadap’ ini. Hal ini sedemikian kerana tarian ini dipersembahkan untuk meraikan hasil tuaian padi pada Hari Gawai serta bagi menyambut kedatangan para tetamu lebih-lebih lagi apabila kedatangan orang-orang berpangkat berkunjung ke kampung seperti rombongan daripada menteri-menteri besar. Dalam pada itu, tidak ada maklumat ataupun info yang terperinci tentang hari bulan dan tahun bila tarian ini bermula dan berkembang.

“Kan ngaje ne, kaik adep puan wang manih sijarah langgie tik udog tundah lalu udog binain ngin sanik ne ngarap masu buak sanda adep pidaan keyuh. Bala turang babuk turang teyang sanik ne pun pidaan nyenda manang bala ne moh adeh da tunduh tana ngan ne moh adeh bala langgie, moh adeh bala Gawai. Sanik ne bigawai adep ngan ne adeh langgie udog nalu beda bala dayung ngan darik ngin adep irak nyambut pedi bauh lalu nyembut bala inya da mandeg neg binua adep dan suwe ngirami pingirami Gawai kitak”.

(Chuno Anak Rohung, 2021)

Penari Tarian ‘Langgie Pingadap’



Gambar 7: Encik Chuno Anak Rohung (Ketika Masih Muda)

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Tarian ‘Langgie Pingadap’ ini wujud oleh kerana sambutan perayaan ‘Hari Gawai Dayak’ yang disambut oleh seluruh masyarakat Dayak di Bumi Kenyalang iaitu negeri Sarawak. Perayaan Hari Gawai ini kebiasaannya disambut pada tanggal 31 Mei hingga 1 Jun setiap tahun dan merupakan perayaan agama dan sosial. Oleh kerana

adanya sambutan Hari Gawai maka tarian ‘Langgie Pingadap’ ini pun diwujudkan khas bagi tujuan menyambut para tetamu yang terhormat yang datang melawat ataupun berkunjung ke kampung sekaligus bagi merayakan perayaan Hari Gawai bersama-sama dengan penduduk kampung. Gawai bermaksud ritual atau perayaan dan Dayak adalah nama kolektif bagi suku kaum Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Murut dan banyak lagi. Menurut Windy Inki (2007), bagi masyarakat di daerah Bau iaitu terutama kaum Bidayuh perayaan Gawai Dayak ini dipanggil *Gawai Sowa*. Bagi mereka, tujuan perayaan ini disambut bagi mengucapkan kesyukuran kepada Tuhan atas pemberian yang dilimpahi oleh-Nya. Selain itu, masyarakat Bidayuh juga memohon kepada Tuhan agar tanaman dan haiwan peliharaan mereka menjadi.

Setiap seni persembahan ataupun seni tari yang dipersembahkan sama ada pada zaman dahulu ataupun pada masa kini pasti ada seseorang individu yang memperkenalkan tarian sesuatu tarian tersebut. Menurut Nazrul Muhd (2021), seni persembahan adalah satu bentuk pertunjukan seni yang dilakukan secara langsung atau terus kepada penonton atau khalayak yang membabitkan empat elemen iaitu masa, ruang, tempat serta hubungan antara pelaku dan penonton. Secara asasnya, seni persembahan bertujuan untuk mengekspresikan emosi dan perasaan yang merupakan suatu pernyataan yang ingin disampaikan oleh si pelaku kepada khalayak yang menonton atau menyaksikan persembahan itu. Dalam kajian ini, boleh dikatakan terdapatnya seorang individu yang popular dalam memperkenalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini. Menurut Puan Rusa Anak Ranyah, beliau mengatakan bahawa terdapat banyak individu yang popular yang menjadi pemain atau penari bagi tarian ‘Langgie Pingadap’. Perkara ini dikaji di dalam Kampung Rayang, Serian sahaja. Antara individu yang popular dalam memperkenalkan tarian ini pada zaman dahulu bagi kategori wanita adalah Teyang Giab dan Teyang Lebet dan bagi kategori lelaki pula adalah Babuk Buntan, Amang Cucom dan Amang Gidik. Nama-nama ini antara nama yang terkenal yang dapat dikenalpasti kerana penari yang sebelum mereka tidak dapat dikesan oleh kerana kurang perkongsian maklumat dan butiran peribadi dari generasi ke generasi.

“Bala namba da damba ahi da pandai ngilanggi pak iti ne bala ne  
ubo moh anyap, moh ntagan. Urmm... Kan da puan aku da paling

damba atik da mpuan langgi Bidayuh tik ayo kon Teyang Giab dengan Teyang Lebet kan ne bala dayung lah pak kan ne bala darik seh rak kaik ku tentu puan ne hahaha..”

(Rusa Anak Ranyah,2021)

Ketua Kampung di Kampung Rayang

“Adeh dingen ceh pak kaik ne damba bina jangka ne. Pak bala she kira damba da binua ita lah. Ehhh bala seh, asih boh, ayo kon Babuk Buntan, Amang Cucom dengan Amang Gidik. Ahh.. Seh yen bala ne da mpuan langgi Bideyuh tik. Haaa, she yen ne”.

(Chuno Anak Rohung, 2021)

Penari Tarian ‘Langgie Pingadap’



Gambar 8: Puan Rusa Anak Ranyah (Ketua Kampung)

Sumber: Aplikasi *Facebook*

Puan Rusa Anak Ranyah merupakan individu penari tarian ‘Langgie Pingadap’ generasi selepas zaman penari yang dinyatakan sebelumnya. Kini, beliau menjadi ketua kampung di Kampung Rayang, Serian.

Akhir sekali, kewujudan sambutan sempena Hari Gawai Dayak dalam kalangan kaum Bidayuh inilah yang membawa kepada wujudnya tarian ‘Langgie Pingadap’ di negeri Sarawak dan juga turut menjadi medium seni persembahan kaum Bidayuh bagi menyambut para tetamu yang datang ke kampung ketika Hari Gawai dari zaman dahulu sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, tahun bertukar tahun dan hari berganti hari telah menyebabkan maklumat yang terperinci berkaitan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini hanya dapat diperoleh dalam jumlah yang sedikit. Hal ini demikian kerana data dan maklumat tentang segala perkara yang berkaitan dengan tarian ini termasuk para penari awal yang mengetahui dan memperkenalkan tarian ini tidak disimpan dan direkodkan dengan saluran ataupun media yang betul. Dengan ini, boleh dikatakan bahawa tarian ‘Langgie Pingadap’ ini tidak terdapat maklumat yang banyak tentang asal usul kewujudannya dan siapa individu yang tertua dalam memperkenalkan tarian ini berbanding perkara ataupun keadaan yang mempengaruhi kewujudan tarian ini yang hanay disebabkan oleh perayaan yang dirayakan setiap tahun.

#### **4.3.2 Mengkaji Perbandingan Tarian ‘Langgie Pingadap’ Yang Dahulu Dengan Yang Kini**

Pada zaman dahulu khususnya di negeri Sarawak atau dikenali dengan ‘*The Land of Hornbill*’ sememangnya terkenal dengan pelbagai kaum, budaya dan adat yang diamalkan terutamanya dalam bidang seni tari ataupun seni persembahan yang mana dari zaman dahulu sehingga kini masih tetap bertahan dan diamalkan. Seperti yang dapat dilihat sehingga ke hari ini, tarian ‘Langgie Pingdap’ ini merupakan seni tarian kaum Bidayuh yang melibatkan gerakan tangan, jari dan kaki iaitu berirama mengikut rentak muzik tradisional yang dimainkan. Menurut Mohamad Maulana Magiman & Norhuda Salleh (2017), berdasarkan kepada sejarah perkembangan tarian ini, ia adalah berkaitan dengan musim penanaman dan penuaian padi. Sebab itu, kalau diteliti dengan lebih dekat lagi, bentuk gaya persembahan tarian masyarakat Badayuh ini terdapat unsur-unsur dan simbol kepada padi seperti memetik, memijak dan penggunaan bakul kecil.

Oleh disebabkan arus pemodenan, setiap seni persesembahan sama ada dalam ataupun luar negara pasti mengalami perubahan dan sedikit sebanyak terjadikan pengubahsuaian untuk menyesuaikan sesuatu tarian itu dengan adat dan budaya yang diamalkan masyarakat generasi baru pada hari ini. Terdapat perbezaan diantara tarian ‘Langgie Pingadap’ pada masa dahulu dengan masa kini. Secara umumnya, seni persesembahan adalah semua manifestasi artistik yang diciptakan untuk dipentaskan di atas panggung, terutama teater dan tarian, tetapi juga muzik. Seni persesembahan pada asasnya mempunyai tiga elemen penting dan tidak dapat dipisahkan, iaitu persembahan, pentas dan masyarakat penerima. Dalam pengertian ini, ia adalah seni hidup dan sementara.

Persembahan tarian ‘Langgie Pingadap’ pada zaman dahulu berbeza dengan yang kini yang mana dari segi gerak geri jari dengan tangan telah mengalami perubahan. Menurut Babuk Alui Anak Sijo, beliau mengatakan bahawa gerak geri tangan tarian ‘Langgie Pingadap’ pada zaman dahulu seperti gerak geri sayap burung helang di mana kedua-dua belah tangan lurus ketika menari sambil menghayunkan sedikit tangan mengikut irama gong, gendang dan canang manakala tarian ‘Langgie Pingadap’ pada masa kini tidak lagi meluruskan tangan tetapi membengkok sedikit tangan lalu menggerakkan semua jari ketika menari.

“Kan ne bida langgi da iti ne dengan langgi da sani ne she adeh dingen pak kaik ne ahi. Kan langgi ngamin ne, bala tangan inya bilanggi she bujog ceh mung erad kito ba’uh. Lurus ceh bala tangan inya ngalu ne tingin dep ngalu ne icuk ngjah siak egung. Kaik ceh da mung iti ne ngan ne kaik samah raye. Puli iti ne moh kaik bala taap bauh pilurus tangan ne. Puli bala tangan ne ku maih mung erad siyok. Ehh, bingkok kah tingin bala anak tangan seh nak kutap kutip”.

(Alui Anak Sijo, 2021)

Penari Tarian ‘Langgie Pingadap’



Gambar 9: Tarian ‘Langgie Pingadap’ Suatu Ketika Dahulu

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Pemakaian pakaian tarian ‘Langgie Pingadap’ ini juga berbeza. Pada dasarnya, pakaian tarian ini asalnya dari dulu berwarna hitam dan bercampur sedikit warna merah, kuning dan putih yang boleh dilihat pada garis baju tarian tradisional ini bagi pakaian wanita. Kemudian, pakaian ‘Langgie Pingadap’ wanita dulu juga hanya menggunakan kain lepas yang panjang ataupun disebut sebagai ‘*Tapeh*’. Pada bahagian kepala pula, terdapat perhiasan iaitu disebut sebagai ‘*Sangguh*’ yang turut menghasilkan bunyi apabila mempersembahkan tarian. Bagi pakaian lelaki pula dahulunya berpakaian baju batik atau menggunakan pakaian bercorak kosong lalu mengikat kain batik secara bersilang di bahagian tubuh mereka. Bukan itu sahaja, penari lelaki juga turut mengikat ‘*Tahjong*’ pada bahagian tengah di keliling pinggang iaitu kain berwarna merah yang di potong memanjang berbentuk segi empat tepat. Sebelum mengikat ‘*Tahjong*’ di pinggang, penari ataupun pemain akan menggunakan seluar panjang berwarna hitam terlebih dahulu. Pada bahagian kepala pula, kepala akan diikat dengan kain ‘*Suma*’ ataupun dengan kain batik jenis yang lama serta turut menggunakan ‘*Gerundung*’ iaitu perhiasan yang menghasilkan bunyi bagi pakaian lelaki ‘Langgie Pingadap’.

“Pikaian langgie iti ne pun moh kaik ne samah. Kan ngamin ne  
bala namba tu’uh dayung minan Tapeh ceh nak ah pak iti ne moh

kaik. Moh minan kain built da biasa sien. Nahh, kan darik mina tajong lalu minan bejuh batik ceh. Suma legi indi. Tinan inya sanik ne. Suma tik tenak inya da baak ceh. Suma tik kain. Mung kain batik hehehe. Gerundung pun tinan inya legi. Seh nak bala pikakas langgie sanik ne jang ahh”.

(Matthew Peros Anak Rikep, 2021)

Orang Tua di Kampung Rayang



Gambar 10: Encik Matthew Peros Anak Rikep

Sumber: Kajian Lapangan 2022



Gambar 11: Pakaian ‘Langgie Pingadap’ Lelaki Dan Wanita Zaman Dahulu

Sumber: Kajian Lapangan 2022

Kini, pemakaian pakaian tarian ‘Langgie Pingadap’ sedikit berbeza dengan yang dahulunya. Menurut Simon Jai Anak Raing, beliau mengatakan bahawa pakaian wanita tidak banyak mengalami perubahan seperti pakaian lelaki. Penggunaan warna hitam, merah, kuning dan putih masih kekal tetapi corak garis yang terdapat pada pakaian ‘Langgie Pingadap’ pada masa kini ditambah. Hal ini demikian kerana alasan mengikut corak pakaian ‘Langgie Pingdap’ yang diperkenalkan di Kampung Budaya iaitu tertelak di Kuching, Sarawak. Selain itu, penggunaan ‘*Sangguh*’ telah ditukar kepada ‘*Reung*’ iaitu merupakan sebuah topi yang mirip seakan-akan topi yang digunakan ketika masyarakat kaum bidayuh mengerjakan sawah padi. Selain itu juga, terdapat pembaharuan perhiasan yang digunakan sekali dengan pakaian ‘Langgie Pingadap’ iaitu ‘*Perit*’ yang merupakan perhiasan tembaga. Terdapat juga penggunaan tali pinggang perak bercorak flora. Bagi pakaian lelaki pula, pemakaian batik ataupun baju kosng tanpa corak yang dililit kain batik secara bersilang tidak digunakan lagi. Kini, pakaian lelaki berwarna hitam dan bercorak garis putih, kuning dan merah sama seperti warna pakaian kaum wanita. Kain batik yang diikat pada bahagian kepala juga berubah yang mana penari lelaki kini hanya menggunakan kain biasa yang berwarna merah ataupun warna hitam bercorak garis merah, kuning dan putih berbentuk seakan-akan seperti Tengkolok. Penggunaan ‘*Tahjong*’ masih digunakan tetapi hanya digunakan bagi penari yang tanpa baju dan seluar panjang dan hanya mengharapkan seluar pendek ketat sahaja dan tidak sama sekali bersertakan dengan pakaian ‘Langgie Pingadap’ lelaki yang baru yang kebanyakan dipakai pada masa kini.

“Iti ne moh ahi ne birubah. Bala corak da pikaihan seh paling ahi lah. Moh adeh garis ne. Bala perhiasan da kuan kireng she pun moh ahi tukar ne mung bala tupi Re’ung, Sangguh, Perit. Kan dadag darik ne mung Tajong she dengan kaler bejuh iti ne moh built samah dengan kaler bejuh dayung. Bala Tahjong moh kaik inya minan ne. Adeh memang adeh dingen pak jarang. Haaa...”

(Simon Jai, 2021)

Orang Kampung Rayang




Gambar 12: Pakaian ‘Langgie Pingadap’ Wanita Masa Kini

Sumber: Kajian Lapangan 2022



Gambar 13: Pakaian Bidayuh Pada Masa Kini

Sumber: *Google*



Gambar 14: Pakaian Bidayuh Pada Masa Kini Jenis Yang Lainnya

Sumber: Aplikasi *Whatsapp*

Setiap perubahan yang berlaku pasti ada alasan dan puncanya yang tersendiri. Perubahan dan perbezaan dari tahun ke tahun bagi ‘Langgie Pingadap’ dalam keaslian tarian tradisional kaum Bidayuh ini terjadi sudah jelas oleh kerana arus pemodenan. Dari segi pakaian, dahulunya diperbuat daripada buatan tangan tanpa dibantu oleh mesin. Sebagai contoh, pakaian batik labuh atau dipanggil ‘*Suma*’ bagi golongan wanita ditenun dengan menggunakan benang tertentu melalui kaedah dan alat penenun tradisional. Pada kebiasaanya, batik ini akan ditenun oleh golongan wanita yang professional dalam menenun kain. Hal ini adalah kerana proses tenunan kain pada zaman dahulu amatlah rumit dan memerlukan kemahiran yang tinggi dalam menenun. Kini, kain batik sudah diganti dengan kain biasa yang berwarna hitam dan sedikit corak bergaris yang berwarna kuning, merah dan putih. Hal ini demikian kerana kain batik asli yang ditenun seperti zaman dahulu sudah sukar untuk didapatkan oleh kerana tiadanya individu yang mahu menenun batik Bidayuh lagi. Maka dengan itu, masyarakat Bidayuh kini hanya menggunakan produk atau barang yang serba ada tetapi masih relevan dan mempunyai ciri-ciri yang hampir sama iaitu perubahan kain batik yang bercorak ke kain berwarna hitam yang bercorak garis berwarna kuning, merah dan putih.

“Keyuh da birubah masu sanik ne sien ceh mung kain Suma lah. Ngamin ne ngan ne kain Suma da raye tinan bala namba sanik ne. Pak iti ne moh kaik. Ahi kain ne moh tiru inya, tiru bala bisina. Ngamin ne tundah ji’it minan tangan. Jerak ngundah ne sanik ne. Iti ne, kan anyap kain suma memang inya akan mina kain biasa lah da kaler built ceh mung da tubek manak iti ne. Nak iti ne ditambah inya bala corak ne da kain built she. Ehhh... nak adeh garis kuning, budak, celak ne. Adeh mu tebek ne kan? Kaik patut anyap. Kaik bante anak Bidayuh hahaha... Seh mesti amu rak puhan ne.”

(Ratei Anak Nona, 2021)

Penari Tarian ‘Langgie Pingadap’

Seterusnya, keaslian tarian ‘Langgie Pingadap’ juga mengalami perubahan kerana faktor barang perhiasan yang asli yang mana susah untuk didapatkan oleh kerana beberapa faktor seperti nilai harga yang terlalu tinggi dan majoriti individu yang mempunyai barang perhiasan tarian ‘Langgie Pingadap’ lebih memilih untuk menyimpan barang asli secara peribadi. Oleh yang demikian, kualiti barang perhiasan pada masa kini tidak setanding dengan barang perhiasan pada zaman dahulu kerana ianya diperbuat daripada bahan yang berkualiti rendah dan murah. Bagi harga barang perhiasan tarian ‘Langgie Pingadap’ pada masa kini jauh berbeza dengan harga barang perhiasan yang asli walaupun harga bagi yang tidak asli masih juga sama dalam beratus ringgit. Barang perhiasan seperti ‘gerundung’, ‘suma’, ‘sangguh’ dan beberapa barang lainnya yang mempunyai nilai harga yang tinggi sehingga beratus ringgit.

i) ***Gerundung***

‘*Gerundung*’ ialah suatu barang perhiasan yang seakan mirip dengan bentuk loceng kecil yang menghasilkan bunyi seperti bunyi loceng juga. ‘*Gerundung*’ diperbuat daripada perak asli yang dipakai atau diletakkan pada bahagian pinggang wanita di luar pakaian ‘Langgie Pingadap’. Fungsinya adalah untuk mengetatkan pakaian wanita pada bahagian pinggang agar kelihatan langsing dan menghasilkan bunyi yang harmoni ketika penari mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’.



Gambar 15: ‘*Gerundung*’

Sumber: *Google*

ii) ***Suma***

‘*Suma*’ pula merupakan istilah panggilan kepada kain batik oleh kaum Bidayuh yang dipakai oleh penari wanita ketika mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’. Kain batik Bidayuh ini kebiasaannya bercorak flora dan berwarna coklat dicampur dengan sedikit warna yang lainnya. Kain ‘*Suma*’ juga bercorak hampir sama dengan ‘*Tapeh*’

yang juga merupakan kain batik tradisional kaum Bidayuh selepas penggunaan kain ‘*Suma*’.



Gambar 16: Penggunaan Kain ‘*Suma*’ Pada Suatu Ketika Dahulu

Sumber: Kajian Lapangan 2022

### iii) *Sangguh*

‘*Sangguh*’ sebagai perhiasan kepala berbentuk bulat seperti cincin akan diletak di atas kepala penari wanita sahaja. ‘*Sangguh*’ dahulunya diperbuat daripada perak asli dan sangat berkilat ketika dipakai. Oleh disebabkan ianya diperbuat daripada perak asli maka sukar untuk mendapatkannya lagi pada zaman moden ini. Oleh yang demikian, sesiapa sahaja individu yang mempunya ‘*Sangguh*’ ini akan menyimpannya untuk simpanan dan milikan mereka sendiri kerana mereka tahu bahawa barangan seperti itu akan susah didapatkan di kemudian hari. Selain itu, penggunaan ‘*Sangguh*’ pada masa kini sudah tidak wujud lagi kerana sudah ditukarkan kepada penggunaan ‘*Reung*’ yang melambangkan semangat padi. ‘*Reung*’ iaitu sebuah topi tradisional kaum Bidayuh yang digunakan semasa mengerjakan sawah padi dari dulu sehingga kini.



Gambar 17: Penggunaan ‘Sangguh’ Di Atas Kepala

Sumber: *Google*



Gambar 18: Penggunaan ‘Reung’ Di Atas Kepala

Sumber: *Google*



Gambar 19: Penggunaan Perhiasan Di Atas Kepala Pada Zaman Moden

Sumber: *Google*

Untuk lebih jelas lagi, berikut merupakan antara contoh barang dan perhiasan dalam mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’ termasuk peralatan muzik tradisional yang digunakan dalam mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’ pada masa dahulu dan masa kini yang telah mengalami perubahan.

<b>Perubahan Barang dan Perhiasan Zaman Dahulu Dengan Kini</b>	
<b>Zaman Dulu</b>	<b>Masa Kini</b>
1. ‘ <i>Sangguh</i> ’ <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Digunakan di atas kepala untuk tujuan perhiasan</li> <li>◆ Diperbuat daripada perak</li> <li>◆ Berbentuk bulat dan mirip seperti cincin</li> </ul>	1. ‘ <i>Reung</i> ’ <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Diperbuat daripada anyaman buluh</li> <li>◆ Merupakan topi untuk petani yang mengerjakan saawah padi</li> <li>◆ Berbentuk bulat dan lebar di bahagian atas dan bentuk silinder di bahagian bawah</li> </ul>
2. ‘ <i>Suma</i> ’ dan ‘ <i>Tapeh</i> ’	3. Kain biasa berwarna hitam pekat

<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Bercorak flora</li> <li>◆ Berwarna coklat secara keseluruhan dan sedikit warna lain</li> <li>◆ Panjang kain sehingga ke paras kaki</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Berwarna hitam pekat dan dihiasi dengan sedikit corak bergaris yang berwarna putih, merah dan kuning</li> <li>◆ Panjang kain sehingga paras lutut sahaja</li> </ul>
4. ‘Gerundung’ <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Diperbuat daripada perak</li> <li>◆ Berbentuk seperti loceng</li> <li>◆ Menghasilkan bunyi</li> <li>◆ Tujuan untuk menghias pakaian</li> </ul>	3. ‘Gerundung’ <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Sudah tidak asli perak lagi</li> <li>◆ Kurang mneghasilkan bunyi</li> </ul>
5. ‘Ogung’ (Gong) <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Alunan muzik yang agak laju atau cepat</li> </ul>	4. ‘Ogung’ (Gong) <ul style="list-style-type: none"> <li>◆ Alunan muzik lebih perlahan dan sesuai untuk tarian lelaki dna wanita</li> </ul>

Jadual 1: Perubahan Barang Perhiasan Pada Pakaian ‘Langgie Pingadap’  
Zaman Dahulu Dengan Masa Kini

Secara rumusannya, terdapat begitu banyak perbezaan antara tarian ‘Langgie Pingadap’ pada zaman dahulu dengan masa kini. Perbezaannya merangkumi pergerakan tangan, jari, pakaian, perhiasan dan barang yang lainnya. Semua perbezaan ini terjadi dengan sebab dan alasan yang tertentu iaitu oleh kerana disebabkan faktor peredaran zaman yang sudah pasti jelas kita dapat lihat. Barang dan perhiasan yang asli juga turut mengalami perubahan kerana sudah jelas bahawa barang pada zaman dahulu sukar untuk didapatkan. Jikalau boleh didapatkan, sudah pasti nilai harganya akan menjadi sangat mahal dan tidak berbaloi untuk membelinya jika ada produk yang lebih murah dijual di pasaran yang seakan-akan mirip dengan yang asli. Walaupun terdapat perbezaan dan perubahan dalam tarian ‘Langgie Pingadap’ ini, tidak semestinya warisan ini tidak harus dipulihara kerana ianya satu-satunya harta peninggalan nenek moyang dari zaman dulu yang tiada gantinya.

### 4.3.3 Membincangkan Usaha Untuk Memulihara Dan Mengelakkan Tarian ‘Langgie Pingadap’ Sebagai Identiti Kaum Bidayuh

Warisan dan budaya bagi sesuatu kaum itu pasti berharga dan tinggi nilanya sehingga tidak dapat dibeli dengan nilai wang ringgit. Secara amnya, budaya bermaksud cara hidup manusia yang boleh didefinisikan sebagai satu proses perkembangan sahsiah, akal, semangat dan usaha manusia dalam sesuatu kelompok. Perkara ini dapat dilihat melalui perkataan ‘budaya’ itu sendiri iaitu kata dasarnya yang berasal daripada perkataan ‘budi’ dan ‘daya’ iaitu budi sebagai aspek dalaman manusia yang meliputi akal dan nilai manakala daya sebagai aspek lahiriah manusia yang meliputi usaha dan hasilan. Maka pada kesimpulannya, budaya boleh difahamkan sebagai segala penghasilan masyarakat manusia dalam pelbagai bentuk sama ada yang dapat dilihat atau tidak. Konsep budaya merupakan satu konsep yang begitu penting dalam perbandingan untuk membuat perbezaan di antara suatu masyarakat dengan suatu masyarakat yang lainnya.

Kepelbagaian bangsa dan agama yang ada di negeri Sarawak mencorakkan kepelbagaian dari aspek jenis tarian serta pakaian tradisional mereka. Ianya juga meliputi kepelbagaian jenis dari aspek lain seperti muzik, makanan tradisi dan yang lain. Walau bagaimanapun, peredaran zaman dan faktor globalisasi yang telah melanda dunia ekoran zaman yang semakin moden telah mempengaruhi masyarakat tempatan terpengaruh dengan budaya luar lalu melupakan budaya tradisional tempatan yang penuh berharga. Oleh yang demikian, amat penting bagi seluruh masyarakat di Malaysia untuk sedar tentang kepentingan warisan budaya yang diwarisi sejak zaman nenek moyang lagi khususnya tarian ‘Langgie Pingadap’ yang merupakan sebuah identiti kepada kaum Bidayuh yang terdapat di negeri Sarawak.

Dalam usaha untuk memulihara dan mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini supaya terus dapat dijadikan sebagai identiti bagi masyarakat kaum Bidayuh harus dipraktikkan dengan pelbagai kaedah oleh semua masyarakat Bidayuh. Merujuk dengan usaha ini, Presiden dalam Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh iaitu *Dayak*

*Bidayuh National Association* (DBNA) merupakan individu yang paling penting untuk memainkan peranan dalam melestarikan tarian tradisional ini supaya dapat terus dipulihara dan dikekalkan. Hal ini sedemikian kerana Presdien DBNA merupakan individu yang mempunyai pangkat tertinggi dalam hal-hal berkaitan dengan kaum Bidayuh dan perkara ini akan memudahkan usaha untuk memulihara dan mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ kerana segala arahan adalah melaluinya. Maka dengan ini, pengumuman daripada presiden ini adalah kunci utama untuk menggalakkan seluruh penduduk kampung terutamanya ketua kampung untuk menggerakan kerja dalam menyedarkan masyarakat Bidayuh khususnya generasi muda betapa pentingnya tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dipulihara dan dikekalkan.

“Kan ngajah ne ceh bala DBNA seh ceh ne da patut nyaga keyuh tik ngin bala sien da adeh pangkat ngurus semua keyuh pasal bala adep Bidayuh”. Bala YB, menteri, bala inya da bipangakat she senang ceh ngurus keyuh. Mina ne nyenda moh merui jaji keyuh. Cuba takan amu jaji YB deh, nyenda meda inya bilanggie. Nang kaik bilanggie ubo-ubo inya. Mene kaik?”

(Ratei Anak Nona, 2021)

Penari Tarian ‘Langgie Pingadap’

Ketua kampung atau disebut ‘*Pingulu Binua*’ haruslah mempunyai hubungan yang rapat dan baik di antara seluruh penduduk jampung terutamanya generasi muda. Dengan adanya hubungan yang baik di antara ketua kampung dengan anak muda maka secara tidak langsung akan menjamin anak muda mempunyai peluang untuk menceburι bidang tarian ‘Langgie Pingadap’ ini secara mendalam. Sebagai contoh, ketua kampung harus kerap mengundang mereka untuk menghadiri program kampung yang ada melibatkan persembahan ‘Langgie Pingadap’ supaya mereka lama-lama akan terbiasa dan selesa dengan suasana sebegitu.

“Asih lagi kan kaik ketua kampung. Wang ne ngundah anih-anih pingirami mesti ne rak ngundah langgie ngin sien adat kita. Masu sien la adep dapat ngekal langgie Bidayuh”. Cunto ne mung ngundah pingirami da kampong lalu ngaban bala inya ungod suwe. Nang kaik irak bala she bilanggie. Mene kaik? Ahhhh... atok legi amu hahahaahaha...”

(Ratei Anak Nona, 2021)

Penari tarian ‘Langgie Pingadap’

Selain itu, ibu bapa juga haruslah memainkan peranan mereka untuk mendidik anak-anak mereka tentang pentingnya tarian tradisional yang melambangkan kepada identiti sesebuah masyarakat itu. Ibu bapa merupakan insan yang paling dekat dan rapat dengan anak mereka. Jadi, perkara ini akan lebih mudah mempengaruhi anak mereka untuk berkecimpung dalam bidang kebudayaan untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan tarian ‘Langgie Pingadap’. Jika anak-anak dididik untuk suka akan tarian dari kecil maak tidak mustahil anak-anak mereka lah yang akan menjadi penerus pakar-pakar yang mahir dan tahu berkaitan tarian ‘Langgie Pingadap’. Melalui proses ini, tarian tradisional kaum Bidayuh dapat terus dijaga dan dikenalkan kepada generasi yang seterusnya dengan tarian yang sebetulnya yang tidak diubah atau direka sesuka hati oleh generasi penerus.

“Haaa bala ande amang legi ne mesti rak adeh niat ne ngajar bala anak ne. Bala ande amang tik paling sindek dengan bala anak ne ceh. Senang ne ngumit asung bala anak ne. Kan adep ngajar bala anak adep meda ne nyuka langgie, sinuka ne ceh. Sikurang ne nak pandai bilanggi. Nak puan ne icuk-icuk”.

(Kanai Anak Ana, 2021)

Penari tarian ‘Langgie Pingadap’

Seterusnya, pihak sekolah juga sepatutnya mengambil langkah untuk membantu dalam pemeliharaan dan pemuliharaan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini. Hal ini demikian kerana pihak sekolah merupakan orang kedua yang rapat dengan anak muda selepas ibu bapa mereka sendiri. Jika pihak sekolah ada mewujudkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dalam aktiviti kurikulum maka tidak mustahil tidak ada pelajar Bidayuh yang menyukai atau mengikuti aktiviti kurikulum itu. Bukan pelajar Bidayuh sahaja malah pelajar dari bangsa lain juga boleh belajar tentang tarian tradisional Bidayuh ini tanpa perlu membayar apa-apa. Dengan cara ini, anak muda kaum Bidayuh akan semakin rapat dengan tarian tradisional mereka dan tarian ini juga dapat dipulihara dan dijaga dengan cara yang betul.

“Asih lagi? Sikulah buleh mah. Tundah ne bitanding bilanggi meda bala anak inya ubo-ubo bilanggi Ahhhh... Kan kaik aktiviti da sikulah pun tundah bilanggie legi. Bala inya temi mung bitambi tauk meda ne suwe. Mana kaik ubo-ubo nya puan langgie tik adep Bidayuh ampu ne. Dengan cara tik, bala inya ungod makin sindek ceh dengan langgie kitak Dayak”.

(Simon Jai, 2021)

Orang Kampung di Kampung Rayang



Gambar 20: Encik Simon Jai

Sumber: Aplikasi *Facebook*

Bukan itu sahaja, pihak media massa terutamanya yang di bawah negeri Sarawak juga boleh mempengaruhi generasi muda untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang kepentingan tarian ‘Langgie Pingadap’. Hal ini kerana media massa merupakan alternatif yang terbaik sejajar dengan peredaran zaman bagi mempromosikan tentang sesuatu perkara khususnya tentang warisan dan budaya sesuatu kaum itu. Sebagai contoh, program Televisyen Sarawak iaitu TVS mestilah mempromosikan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini kepada seluruh rakyat Sarawak terutamannya kaum Bidayuh agar mereka sedar bahaya warisan mereka ini begitu berharga dan tinggi nilainya. Dengan cara ini, semua golongan masyarakat khususnya generasi muda akan terpungut melihat promosi yang dipaparkan dan secara tidak langsung tertanamnya perasaan cinta akan warisan mereka. Maka dengan itu, tarian ‘Langgie Pingadap’ ini akan dapat dipelihara dan dipulihara secara fizikal mahupun maya.

“Rancangan da TV legi indi. Legi anyap nak inya ngajar langgi masu tv boh. Manih adep Bidayuh kaik ngundah ne ngancak semua nya dapat tebek. Beken mina da kampong saja. Mene kaik?” Eh... iti ne moh adeh TVS da kuan inya. Channel she cirita semua pasal

da abih Sarawak ceh. Kan bala she ngundah iklan langgie nang kaik irak nya tebek ne. Mana kaik nak bangga adep Bidayuh lalu nak ubo-ubo irak inya ceh bilanggie hahahaha...”

(Chuno Anak Rohung, 2021)

Penari Tarian ‘Langgie Pingadap’

Di samping itu, langkah-langkah yang patut digunakan bagi memulihara dan mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini ialah dengan meminta pakar yang berpengetahuan dan mahir tentang tarian ‘Langgie Pingadap’ ini untuk mengajar semua golongan masyarakat yang berkeinginan untuk mempelajari tarian ‘Langgie Pingadap’. Para pakar boleh diberi keizinan untuk menggunakan dewan ataupun lebih dikenali dengan panggilan ‘Balai Raya’ dalam masyarakat Bidayuh untuk mengadakan kelas tarian. Kelas tarian mungkin boleh diadakan seminggu sekali pada hujung minggu untuk memenuhi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah serta ilmu yang bermanfaat. Kelas tarian ini juga harus diadakan secara terbuka di kawasan yang luas dan dilihat oleh orang ramai agar dapat memperbanyak jumlah orang yang mengikuti kelas tarian.

“Anih lagi? Moh kaik ku mpuan ne, puli nyebut bala inya da pandai ngilanggi sien ngajar bala inya. Adeh ceh da irak pak kaik ne da dapat tiap andu. Langgi tik kan najar pak inya gak bilajar susah legi. Gak ne meret”. Najar bala ne da balai seh, bahas terun ain.. Indi minggu indi kali. Tundah tibuka meda inya ahi tebek ne”.

(Chuno Anak Rohung, 2021)

Penari tarian ‘Langgie Pingadap’

Selain itu, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) juga harus mengambil langkah yang bersesuaian untuk digunakan bagi memulihara dan mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’. JKK Kampung harus menyediakan dana bagi

mengadakan pertunjukan dan juga pertandingan ‘Langgie Pingadap’ sempena perayaan menyambut Hari Gawai Dayak setiap tahun. Walaupun pada asalnya tarian ini dipersembahkan untuk menyambut tetamu yang berkunjung ke kampung sahaja tetapi ianya juga boleh dipersembahkan di atas pentas bagi tujuan mempraktikkan budaya menari dalam kalangan masyarakat agar ianya terus dekat di hati mereka. Pertunjukan dan pertandingan ini juga boleh dilakukan dengan gabungan bersama kampung lain agar suasana sambutan Hari Gawai Dayak semakin meriah.

Ahhh.... bala JKK kampung seh legi buleh. Asih ceh nak ketua bala tik. Seh da patut ngulu bala ratus nyaga langgie tik. Tundah ne lah tanding langgie wang adep bigawai. Sungka duit masu YB. Anih guna YB adeh. Ginabung dengan kampung beken buleh mah simadi bilawan langgie. Moh kaik ku puan asih lagi hahahaa... Moh ahi bina da sabut, ahi legi da buleh nak nyaga pimain kita Bidayuh tik”.


(Matthew Peros Anak Rikep, 2021)

Orang tua di Kampung Rayang

Akhir sekali, pengurus atau individu yang menjadi ketua dalam memikul tanggungjawab menjaga kelestarian tarian ‘Langgie Pingadap’ ini harus memberikan ucapan yang berilmiah dengan menceritakan kelebihan memulihara dan menjaga tarian tradisional ini. Perkongsian maklumat dan ilmu tentang tarian ini akan sedikit sebanyak membantu masyarakat Bidayuh untuk mengetahui dengan lebih dalam lagi tentang kepentingan tarian ‘Langgie Pingadap’. Melalui perkongsian sebegitu pasti mengukuhkan jaminan dalam memulihara dan menjaga warisan ini agar dapat dipertontonkan kepada generasi-genarasi yang seterusnya serta seluruh rakyat di negara Malaysia.

#### 4.4 HUBUNGKAIT HASIL DAPATAN DENGAN TEORI SEMIOTIK

Melalui analisis dapatan yang diperolehi, didapati bahawa teori yang dipilih iaitu teori Semiotik sangat berkait dengan objektif yang ketiga iaitu membincangkan usaha untuk memulihara dan mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ sebagai identiti kaum Bidayuh. Menurut Abdul Latiff Abu Bakar (2006), teori Semiotik adalah sebuah teori yang berkait rapat dengan lambang yang mana dikomunikasikan lalu digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu termasuk juga kajian terhadap seni persembahan atau seni pertunjukan. Teori ini dapat membantu pengkaji untuk memahami tentang sesuatu perkara dan makna yang diciptakan. Kemudiannya, makna itu akan dikomunikasikan berdasarkan lambang ataupun simbol yang mempunyai seni persembahan atau pertunjukan yang mana akan dilihat pada pakaian, muzik dan lain-lain. Oleh yang demikian, didapati bahawa teori ini dianggap relevan dengan kajian yang pengkaji laksanakan. Hal ini kerana tarian ‘Langgie Pingadap’ ini merupakan lambang yang merujuk kepada identiti masyarakat Bidayuh. Tarian ini juga dipersembahkan kepada khalayak ramai pada waktu tertentu seperti menyambut perayaan Hari Gawai, menyambut tetamu terhormat dan tetamu lain yang mana secara langsung mudah untuk dikenali kerana identiti telah diketahui.



Gambar 21: Hubungkait Teori Semiotik Dengan Dapatan Kajian

Sumber: Slaid Pembentangan

Berdasarkan kepada gambar di atas merupakan hubungkait antara teori Semiotik dengan objektif kajian yang ketiga yang mana menjadi garis panduan dalam melaksanakan kajian ini. Berdasarkan kerangka teori tersebut, dinyatakan tiga ciri teori Semiotik iaitu *Interprant* yang merupakan tanda yang terdapat dalam fikiran kita sejurus selepas kita mengenalpasti tanda tersebut, *Sign* ataupun *Representament* merupakan tanda kepada sesuatu yang kita kenal tanpa berdasarkan kepada sebarang pertanyaan dan hanya mengetahui sesuatu itu dengan melihat sahaja.

*Object* pula merupakan indeks, ikon dan simbol yang merupakan tanda berhubung dengan objek tertentu kerana terdapatnya keserupaan. Sebuah tanda akan bersifat ikonik apabila terdapat kemiripan rupa antara tanda dan hal yang diwakilinya. Dalam kajian ini, *Interprant* adalah merujuk kepada perayaan Hari Gawai yang merupakan perayaan yang diraikan pada 31 Mei dan 1 Jun setiap tahun oleh seluruh masyarakat Dayak di Negeri Sarawak termasuklah kaum Bidayuh. Perayaan ini disambut oleh masyarakat Dayak pada setiap tahun bagi tujuan mengucap syukur kepada Tuhan di atas hasil padi yang diperolehi. *Sign* atau *Respresentament* pula merujuk kepada tarian ‘Langgie Pingadap’ yang mana wajib dipersembahkan ketika menyambut perayaan Hari Gawai serta untuk menyambut kedatangan tetamu terhormat yang mungkin mengikuti sambutan Hari Gawai. Kemudian, *Object* dikaitkan dengan orang Bidayuh itu sendiri kerana orang Bidayuh merupakan masyarakat yang mewujudkan perayaan Hari Gawai dan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini. Orang Bidayuh juga merupakan masyarakat yang menarik atau mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ketika Hari Gawai yang wajib disambut oleh mereka pada setiap tahun. Oleh yang demikian, didapati bahawa teori ini dianggap sesuai dengan kajian yang pengkaji laksanakan. Hal ini kerana tarian ‘Langgie Pingadap’ ini merupakan *Sign* atau tanda yang merujuk kepada identiti masyarakat Bidayuh dan perayaan Hari Gawai menjadi *Representament* kepada wujudnya tarian ‘Langgie Pingadap’ lalu orang Bidayuh itu sendiri menjadi *Object* kepada kedua perkara tersebut yang mana melaksanakan fungsi ke atas kedua perkara tersebut yang telah terwujud sebagai kesamaan yang saling berkait.

#### 4.5 KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, sejarah dan perkembangan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini mempunyai ceritanya yang tersendiri walaupun tidak dapat dikesan secara terperinci bilakah tarikh sebenar tarian ini mula wujud dalam kalangan kaum Bidayuh pada suatu ketika dahulu. Hanya sedikit sahaja maklumat yang dapat diperoleh. Apa yang pasti, tarian ini wujud dikatakan kerana sambutan Hari Gawai Dayak yang diraikan sejak zaman nenek moyang lagi bagi tujuan untuk menyambut tetamu-tetamu laur yang datang melawat kawasan mereka. Individu paling tertua yang memperkenalkan tarian ini juga tidak dapat diketahui oleh kerana faktor batasan perkongsian maklumat pada zaman dahulu.

Tarian ‘Langgie Pingadap’ zaman dahulu dengan kini sememangnya mempunyai perbezaan yang begitu ketara sehingga terjadinya perubahan dalam keaslian tarian ‘Langgie Pingadap’ kaum Bidayuh ini. Punca dan alasan terjadinya perkara yang tidak diingini ini adalah kerana faktor yang tidak dapat dihalangi walau dengan pelbagai cara. Walaubagaimanapun, tarian ini harus terus dipulihara dan dikekalkan kerana ianya amat penting bagi kaum Bidayuh kerana ianya melambangkan kebudayaan dan identiti mereka sejak dahulu lagi. Boleh dikatakan bahwa tarian ‘Langgie Pingadap’ ini merupakan maruah bagi kaum Bidayuh yang harus dijaga dengan betul.

Dalam pada itu, tarian ‘Langgie Pingadap’ ini harus terus dikembangkan kepada generasi-generasi yang baru agar mereka tahu dan peka akan kepentingan tarian ini. Generasi baru pada masa kini merupakan generasi yang mudah lupa akan warisan tempatan kerana sudah banyak terpengaruh dengan budaya luar seperti budaya Barat. Oleh yang demikian, pelbagai langkah dan cara untuk memulihara dan menjaga kelestarian tarian ‘Langgie Pingadap’ ini harus ditekankan dan dipandang serius dalam golongan anak muda agar ianya terus dekat di hati mereka dan mereka berminat untuk menjadi pewaris kepada generasi yang seterusnya yang dapat membimbing kerana mengetahui dengan lebih dalam tentang tarian ini. Diharapkan agar tarian ‘Langgie

Pingadap' ini terus hidup dalam kalangan masyarakat Bidayuh dan menjadi suatu kebanggaan kepada kaum Bidayuh kerana mempunyai tarian tradisional sendiri.



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB V

## PENUTUP

### 5.1 PENGENALAN

Malaysia merupakan negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan hal ini tidak dapat dinafikan kerana perkara ini dapat dibuktikan di mana sehingga ke hari ini negara Malaysia masih kaya dengan kepelbagaian budaya masyarakat yang tersendiri. Jika di Semenanjung Malaysia terkenal dengan pelbagai budaya mereka, di Sabah dan Sarawak juga tiada tandingan. Dengan jumlah kaum dan adat serta budaya yang pelbagai di Borneo, adat dan budaya yang ada ini dapat diperlihatkan kepada seluruh masyarakat sehingga ke hari ini. Walaupun masih banyak seni tarian yang belum dikenal oleh banyak masyarakat akan tetapi tarian di Borneo tetap menjadi tarian yang unik. Boleh dilihat pada tarian ‘Ngajat’ orang Iban yang begitu istimewa dan lain daripada yang lain.

Bagi tarian kaum Bidayuh di Sarawak iaitu ‘Langgie Pingadap’, tarian ini terhasil semulajadi disebabkan faktor kreativiti masyarakat Bidayuh pada zaman dahulu yang mana telah mengaitkan tarian tersebut dengan sesuatu keadaan seperti pada musim menuai padi dan perayaan Gawai yang mempunyai unsur perayaan bagi meyambut hasil tanaman padi. Kini, perayaan Gawai masih terus dirayakan dengan irungan persempahan tarian ‘Langgie Pingadap’ bagi para tetamu luar yang datang melawat kawasan Bidayuh.

Tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dari zaman ke zaman telahpun mengalami perubahan. Penggunaan barang perhiasan seperti ‘*Sangguh*’ iaitu perhiasan kepala bagi penari perempuan telah berubah kepada penggunaan ‘*Reung*’ iaitu berbentuk seperti topi yang digunakan ketika mengerjakan sawah padi. Terdapat juga perubahan lain seperti penggunaan kain ‘*Suma*’ pada zaman dahulu berubah kepada penggunaan kain batik pada masa kini dan perubahan yang lainnya. Hal ini disebabkan oleh kesukaran untuk menghasilkan barang yang digunakan pada zaman dahulu. Walaubagaimanapun, penggunaan barang perhiasan yang baru tetap relevan untuk dipilih dan digunakan kerana ia masih lagi berkait di antara padi dengan tarian. Seni tari ‘Langgie Pingadap’ kini tetap dimainkan dan dipersembahkan sebagai bentuk hiburan serta bertujuan untuk mengekalkan budaya seni bagi masyarakat Bidayuh.

Dalam bab 5 ini, dapat disimpulkan mengenai kajian yang pengkaji telah laksanakan berkaitan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam kalangan masyarakat Bidayuh yang mana harus terus dilestarikan untuk tujuan mengekalkan adat dan budaya supaya terus diwarisi dan tidak lenyap dari tanah Bumi Kenyalang. Kajian ini mempunyai lima bab dan setiap bab yang telah dibuat oleh pengkaji memainkan peranan dalam menjelaskan dari pelbagai aspek seperti pengenalan secara ringkas, sorotan kajian, kaedah kajian dan sebagainya.

Bagi bab 1, aspek yang dikaji merupakan kajian yang melibatkan pengenalan tajuk kajian yang dikaji iaitu berkaitan pelestarian tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Dalam bab 1 ini menceritakan serba sedikit mengenai tarian ‘Langgie Pingadap’ di samping menjelaskan serta menghuraikan permasalahan kajian yang dihadapi yang mana tarian ini dikatakan kurang diamalkan oleh kerana faktor ketidakpedulian masyarakat Bidayuh itu sendiri terhadap tarian ‘Langgie Pingadap’ terutamanya generasi muda. Golongan yang berpengalaman sejak dahulu lagi tidak berkongsi pengetahuan dalam mengajar atau memberi ilmu serta latihan kepada golongan masyarakat yang baru dari mereka. Bukan itu sahaja, permasalahan kajian ini juga melibatkan keaslian tarian ‘Langgie Pingadap’ ini telah mengalami sedikit perubahan daripada tarian asal yang mana berpunca daripada sikap masyarakat Bidayuh itu sendiri yang mungkin dingin dengan budaya tarian kaumnya sendiri.

Kemajuan dari segi teknologi yang pelbagai pada masa kini juga menjadi sebab mengapa tarian tradisional kaum Bidayuh semakin dilupakan. Selain itu, terdapat tiga persoalan kajian yang telah diwujudkan di dalam bab 1 iaitu yang pertama, bagaimanakah sejarah dan perkembangan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam masyarakat Bidayuh bermula, yang kedua ialah apakah adanya perbandingan antara tarian ‘Langgie Pingadap’ pada masa dahulu dengan masa kini dan yang terakhir ialah apakah usaha untuk mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ sebagai identiti kaum Bidayuh. Persoalan-persoalan kajian ini dibuat bagi memastikan objektif kajian yang dibuat tidak akan terpesong atau tidak menepati objektif kajian. Dalam bab 1 ini juga, pengkaji turut menjelaskan tentang teori yang digunakan iaitu Teori Semiotik yang merupakan teori yang berkait rapat dengan lambang yang mana dikomunikasikan lalu digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu termasuklah juga kajian berdasarkan seni persembahan atau seni pertunjukan.

Dalam bab 2 pula, bab ini menjelaskan mengenai sorotan kajian lepas yang diperoleh hasil daripada penemuan pengkaji lepas lalu digunakan oleh pengkaji. Mengenai sorotan kajian, aspek yang akan dikaji adalah berkaitan dengan makna seni persembahan secara umum dan juga turut focus terhadap makna tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam skop kerja yang dihasilkan seperti asal usul tarian, budaya, gerak geri, kesenian, keunikan dan sebagainya. Terdapat juga tarian ‘Langgie Pingadap’ ini yang dikaitkan sebagai identiti kepada kaum Bidayuh. Tarian sangat berkait rapat dengan objek dan lambang seperti yang disebut dalam teori Semiotik yang boleh dirujuk sebagai sebuah identiti. Setiap masyarakat mempunyai identiti mereka yang tersendiri dan hal ini telah membantu setiap masyarakat mengenali sesuatu kaum itu berdasarkan identiti asli mereka.

Di samping itu, turut diuraikan aspek-aspek lain yang boleh menjadi identiti kepada sesuatu kaum itu. Selain tarian, bahasa merupakan medium untuk sesuatu masyarakat itu berkomunikasi secara lisan mahupun secara penulisan. Kemudian, dari segi aspek pakaian seperti pakaian tradisional yang mempunyai warna tertentu bagi sesuatu kaum itu. Pakaian ini akan menentukan sifat dan ciri-ciri penting dalam budaya masyarakat berkenaan. Bukan itu sahaja, dari aspek warisan tidak ketara pula seperti

upacara perayaan, ritual, permainan tradisional dan lain-lain menjadi identiti kepada sesuatu kaum itu dan warisan ini dapat dikekalkan jika dijaga dan diamalkan dengan cara yang betul. Akhir sekali, dalam bab 2 ini juga pengkaji turut menjelaskan tentang lambang atau simbol bagi seni persembahan atau seni tarian masyarakat Bidayuh secara terperinci dan bukan Bidayuh secara umum.

Seterusnya, dalam bab 3 pula membincangkan tentang kaedah metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji menyatakan kaedah kajian yang sesuai iaitu menggunakan pendekatan kualitatif yang mana meliputi kaedah temubual, pemerhatian dan lapangan bagi data primer dan kaedah kepustakaan dan internet bagi data sekunder. Lebih terperinci lagi, maklumat yang diperolehi dalam kajian ini mempunyai dua sumber iaitu data primer yang melibatkan temubual dengan orang yang berpengetahuan tinggi tentang tarian ‘Langgie Pingadap’ yang sebenar. Data primer ini merupakan data asli yang diperoleh dari orang tertentu manakala data sekunder pula adalah sumber yang mana melibatkan kajian meliputi buku-buku akademik, artikel, jurnal dan sebagainya.

Maklumat atau bahan terbitan seperti buku, artikel dan jurnal yang dikumpul oleh penyelidik atau pengkaji lain akan digunakan sebagai rujukan untuk mencipta formula atau informasi baru bagi menyelesaikan masalah yang timbul pada masa kini. Melalui pendekatan kualitatif, pengkaji dapat memperolehi maklumat yang tepat dan terperinci serta jelas untuk mencapai objektif kajian yang telah dibuat. Secara ringkasnya, bab 3 juga mempunyai rekabentuk kajian yang berperanan sebagai panduan bagi mencapai objektif kajian pengkaji. Di samping itu, turut disenaraikan dan diuraikan tentang instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian ini seperti kamera untuk merakam dan mengambil gambar, telefon pintar untuk merekod audio dan buku catatan untuk mencatat nota-nota ataupun maklumat penting semasa menjalankan temubual atau sebagainya.

Beralih ke bab 4, bab ini menjelaskan mengenai dapatan kajian dengan lebih jelas dan menyeluruh. Segala maklumat dan data yang diperoleh daripada hasil

temubual bersama 10 orang responden yang pengkaji pilih di Kampung Rayang, Serian telah banyak membantu pengkaji dalam membuat analisis yang tepat berdasarkan maklumat dan data hasil daripada temubual yang mana soalan-soalan yang telah diajukan adalah berdasarkan objektif kajian. Melalui temu bual ini, pengkaji dapat menjelaskan dengan baik tentang sejarah dan perkembangan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam masyarakat Bidayuh dengan menanyakan tentang bila bermulanya perkembangan tarian tersebut, apakah yang mempengaruhi kewujudan tarian tersebut dan siapakah individu yang popular dalam memperkenalkan tarian tersebut.

Pengkaji juga dapat menjelaskan tentang perbandingan tarian ‘Langgie Pingadap’ pada zaman dahulu dengan masa kini. Pengkaji turut menanyakan soalan yang berkaitan seperti apakah perbezaan tarian pada zaman dahulu dengan zaman sekarang, apa punca terjadinya perbezaan ataupun perubahan keaslian tarian dan apakah barang dan perhiasan pada zaman dahulu dengan masa kini yang digunakan ketika mempersempahkan tarian tersebut. Bukan itu sahaja, pengkaji turut menjelaskan dengan lebih mendalam berkaitan kaedah dalam usaha untuk memulihara dan mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ sebagai identiti masyarakat Bidayuh dengan mengajukan soalan tentang cara untuk menggalakkan generasi muda mengetahui akan kepentingan tarian dan langkah yang bersesuaian untuk memulihara dan mengekalkan tarian tersebut.

## 5.2 RINGKASAN KAJIAN

Tarian tradisional kaum Bidayuh iaitu tarian ‘Langgie Pingadap’ perlu dipelihara kerana tarian ini merupakan warisan budaya nenek moyang masyarakat yang diwarisi sejak turun-temurun. Oleh yang demikian, tarian ‘Langgie Pingadap’ ini sememangnya telah menjadi identiti utama dalam kalangan masyarakat Bidayuh di negeri Sarawak yang mana tarian ini mempunyai nilai estetika dan keunikannya yang tersendiri. Perkara ini dapat dilihat pada gerak geri seni tari atau bentuk gaya persembahan ini yang berlandaskan musim menuai padi iaitu terdapat unsur-unsur dan simbol padi seperti memetik, memijak dan penggunaan bakul kecil. Selain itu, dari segi pemakaian

kostum bagi tarian ‘Langgie Pingadap’ ini juga turut dinyatakan yang mana warna hitam merupakan warna yang dominan bagi kaum Bidayuh. Walau bagaimanapun, terdapat juga penggunaan warna lain pada pakaian dalam mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini seperti campuran warna merah, sedikit kuning dan putih. Seterusnya, perbezaan yang dapat dilihat melalui tarian ‘Langgie Pingadap’ ini adalah yang mana tujuan sebenar ataupun fungsi asal tarian ini ditarikan bagi menyambut hasil tuaian padi pada setiap hujung bulan Mei untuk mengucapkan rasa syukur kepada Tuhan di atas rezeki yang diberikan. Akan tetapi, kini dipersembahkan untuk menyambut tetamu yang datang melawat ke kawasan Bidayuh ketika perayaan Hari Gawai dan upacara lainnya. Di samping itu, antara perbincangan yang dapat dilihat adalah berkaitan sejarah dan perkembangan, perbandingan dahulu dengan yang kini dan usaha yang dijalankan untuk mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini sebagai identiti kaum Bidayuh.

### 5.2.1 Sejarah Dan Perkembangan

Hasil daripada kajian ini, apa yang dapat diperkatakan adalah tarian ‘Langgie Pingadap’ ini merupakan antara tarian tradisional yang paling menonjol daripada tarian tradisional yang lainnya seperti tarian Ngajat Bidayuh, Langgie Berokap dan lain-lain. Kewujudan awal tarian ini tidak dapat dikesan kerana tidak ada tarikh yang terperinci mengenai kewujudan tarian ini. Tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dikesan ketika sudah adanya perayaan Hari Gawai yang disambut oleh orang Bidayuh. Malah, individu awal yang memperkenalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini juga tidak dapat dikesan. Hal ini kerana kaum Bidayuh mempunyai pelbagai rumpun dan pecahan . Kerana itulah setiap daerah orang Bidayuh di Sarawak mempunyai gerak geri, pakaian dan muzik yang berbeza walaupun tarian yang dipersembahkan adalah sama seperti persembahan ‘Langgie’ bagi meyambut tetamu dan meraikan Hari Gawai.

Tarian ‘Langgie Pingadap’ ini pada awalnya ditarikan oleh golongan lelaki dan wanita pada suatu ketika dahulu tetapi kini hanya golongan wanita sahaja yang mempersembahkan tarian ini. Upacara ataupun perayaan seperti Hari Gawai Dayak

mempunyai pertalian erat dengan padi dan oleh kerana itu tarian ‘Langgie Pingadap’ ini juga turut mempunyai hubungan dengan budaya padi kerana wajib dipersembahkan ketika menyambut Hari Gawai Dayak pada setiap hujung bulan Mei dan awal bulan Jun. Hari Gawai Dayak merupakan perayaan yang disambut oleh semua golongan kaum Dayak di negeri Sarawak sebagai tanda merasai beras baru dalam tahun yang baru.

### 5.2.2 Perbandingan Tarian Dahulu Dengan Kini

Tarian tradisional kaum Bidayuh iaitu ‘Langgie Pingadap’ pada awalnya ditari atau dipersembahkan dengan gerak geri tangan dan jari yang lurus seperti sayap burung helang yang mana kedua-dua belah tangan akan berada dalam keadaan yang lurus dan sambil itu dihayun secara perlahan dan sedikit sahaja dengan diiringi oleh irama gong, gendang dan canang. Kemudian, pakaian tarian ‘Langgie Pingadap’ bagi golongan wanita pada asalnya hanya menggunakan kain lepas yang panjang yang disebut sebagai *Tapeh* dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Perhiasan pada bahagian kepala asalnya menggunakan *Sangguh* yang bercorak seperti mahkota yang diperbuat daripada perak dan ia turut menghasilkan bunyi ketika penari mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’. Pakaian lelaki pula mulanya menggunakan kain batik dan diikat pada badan secara bersilang.

Oleh kerana faktor arus pemodenan, berlakunya perubahan pada semua aspek yang ada pada budaya tarian ‘Langgie Pingadap’. Banyak penggunaan corak dan barang perhiasan yang diperbaharui ataupun diubah oleh orang Bidayuh itu sendiri. Seperti yang dapat dilihat, penggunaan kain batik kini sudah tidak diterapkan lagi dalam pakaian ‘Langgie Pingadap’. Hal ini kerana kos untuk mendapatkan batik tenun terlalu tinggi dan juga faktor untuk menyamakan warna pakaian tarian Bidayuh di seluruh kawasan. Kini, pakaian tarian tradisional Bidayuh semua berwarna hitam dan sedikit warna lain seperti warna merah, putih dan kuning. Perhiasan juga kini banyak yang tidak asli dan barang yang kebanyakannya dipakai adalah barang murah yang boleh didapati di mana-mana kedai yang ada menjual perhiasan tradisional. Sebagai contoh, *gerundung* asli iaitu perhiasan pada pakaian wanita tidak lagi digunakan kerana orang

Bidayuh lebih memilih untuk menyimpan barang tersebut kerana akan menjadi sukar untuk mendapatkannya lagi di kemudian hari. Oleh yang demikian, *gerundung* yang digunakan pada masa kini diperbuat daripada keluli.

### 5.2.3 Usaha Untuk Memulihara Dan Mengelakkan Tarian

Usaha bagi memulihara dan mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini masih giat dijalankan di seluruh kampung seperti di Kampung Rayang, Serian. Pihak atasan seperti Persatuan Kebangsaan Dayak Bidayuh atupun lebih dikenali sebagai Dayak Bidayuh National Association (DBNA) turut memainkan peranan khususnya dalam melestarikan tarian tradisional kaum Bidayuh termasuklah tarian ‘Langgie Pingadap’ supaya terus dipulihara dan dikenakan. Selain itu, pelbagai pihak lain seperti ketua kampung juga turut berusaha dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Bidayuh itu sendiri tentang kepentingan penjagaan dan pengekalan warisan dan khazanah kaum Bidayuh di Negeri Sarawak amnya. Selain itu, pihak ibu bapa juga turut mengajar anak-anak mereka tentang tarian ‘Langgie Pingadap’ secara lisan mahupun memberi tunjuk ajar dengan menunjukkan pergerakan mudah bagi tarian ini di samping menggalakkan anak-anak mereka untuk menjadi pelapis ataupun pewaris kepada warisan yang telah diperturunkan oleh generasi terdahulu secara turun temurun.

Walaupun tarian ‘Langgie Pingadap’ kaum Bidayuh ini dikatakan semakin kurang diamalkan oleh orang Bidayuh itu sendiri terutamanya generasi muda, namun perkara ini tidak akan mempengaruhi dan memberi impak yang besar dalam kepupusan tarian tradisional ini. Hal ini kerana adanya pihak-pihak berwajib di dalam setiap kampung yang akan selalu memastikan bahawa tarian ‘Langgie Pingadap’ ini harus dimainkan ataupun dipersembahkan ketika perayaan atau majlis-majlis penting seperti perayaan Hari Gawai Dayak yang merupakan perayaan tahunan bagi seluruh masyarakat Dayak di Negeri Sarawak. Melalui perayaan ini, generasi muda masih dapat menonton dan menyaksikan dengan mata kepala mereka sendiri secara langsung bagaimana tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dipersembahkan walaupun banyak di antara mereka yang kurang meminati untuk menceburkan diri dalam bidang seni tari

tradisional kaum mereka. Budaya luar terutamanya budaya Barat telah mempengaruhi hidup mereka yang mana telah memberi impak yang begitu besar terhadap pelestarian seni tarian tradisional kaum Bidayuh ini.

### 5.3 CADANGAN DAN SARANAN

Tarian ‘Langgie Pingadap’ merupakan salah satu produk budaya tradisi bagi masyarakat Bidayuh di Negeri Sarawak. Tarian tradisional ini telah diamalkan sejak dahulu lagi tetapi masih lagi kekal diamalkan dan berjaya dipelihara dengan baik sehingga ke hari ini walaupun telah berlakunya perubahan disebabkan oleh faktor zaman dan arus pemodenan atau pengubahan daripada orang Bidayuh itu sendiri yang bertujuan untuk keserasian semata-mata. Selepas kajian ini dijalankan oleh pengkaji, banyak maklumat baru yang diperoleh termasuklah yang berkaitan sejarah dan perkembangan, perbezaan tarian ‘Langgie Pingadap’ pada zaman dahulu dengan masa kini atau mengenai usaha untuk memelihara dan mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ supaya dapat menjadi identity kepada masyarakat Bidayuh. Walaubagaimanapun, pengkaji ingin menyatakan serba sedikit cadangan, saranan dan pandangan pengkaji mengenai tarian ‘Langgie Pingadap’ ini memandangkan pengkaji juga merupakan orang Bidayuh yang masih menetap di kawasan Bidayuh di Negeri Sarawak.

#### 5.3.1 Cadangan Di Peringkat Masyarakat

Dalam kalangan masyarakat orang Dayak khususnya bagi orang Bidayuh di Negeri Sarawak, mereka adalah golongan yang terlibat secara langsung dalam menjaga warisan dan khazanah mereka. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat Bidayuh terutamanya yang menetap di dalam kampung itu mengetahui dengan lebih mendalam mengenai tarian ‘Langgie Pingadap’ walaupun segelintir daripadanya tidak mempelajari pergerakan tarian dan ada di antara mereka giat memainkan ataupun mempersembahkan tarian tradisional ini di majlis-majlis keraian yang melibatkan jemputan tetamu khas. Oleh itu, masyarakat Bidayuh itu sendiri haruslah lebih proaktif

dalam menghidupkan tarian tradisional ini dengan menubuhkan persatuan-persatuan yang berkaitan dengan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini. Sebagai contohnya seperti menubuhkan Kelab Langgie Bidayuh di dalam kampung agar keaslian di dalam tarian pada hari ini tidak berubah dan kekal di kemudian hari nanti.

Melalui kaedah ini, secara tidak langsung ia dapat memberikan sumber pendapatan kepada ahli persatuan kelab tersebut sama ada mendapat sumbangan daripada Yang Berhormat ataupun menteri serta tetamu yang datang di samping dapat mendedahkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dengan lebih meluas sekiranya tetamu yang dijemput adalah orang luar yang berlatarbelakangkan kaum lain seperti orang Melayu, Cina, India dan lain-lain. Kesan daripada perkara ini akan menimbulkan minat bagi menceburi bidang tarian tradisional termasuklah mempelajari tarian ‘Langgie Pingadap’ dengan lebih mendalam di semua peringkat lapisan masyarakat samada golongan tua atau muda dan ini sekaligus membolehkan persembahan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dapat dikenali oleh semua golongan lapisan masyarakat yang ada di Malaysia serta dapat dipromosikan ke peringkat yang lebih tinggi.

### **5.3.2 Cadangan Di Peringkat Sekolah dan Universiti**

Sekolah dan universiti adalah sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam melahirkan golongan pelajar dan sarjana yang berkualiti di samping menjadi pusat perkembangan ilmu pengetahuan yang mempunyai hierarki yang tinggi dalam pandangan semua lapisan masyarakat di dunia ini. Hal ini kerana pelbagai program warisan telah diperaktikkan di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti dan ini sekaligus dapat menarik minat golongan muda untuk berkecimpung atau melibatkan diri dengan seni warisan malah berminat untuk menjalankan kajian mengenai warisan tradisional yang ada di negara kita.

Sekolah dan universiti juga merupakan sebuah institusi yang berkebolehan bagi membangunkan kajian dan pembangunan (R&D) terutamanya dalam usaha memelihara

dan memulihara tarian ‘Langgie Pingadap’ ini agar dapat dijadikan sebagai identity kepada masyarakat Bidayuh pada hari ini, esok dan seterusnya. Hal ini kerana sekolah dan universiti mempunyai tenaga penyelidik yang mempunyai kepakaran berkepakaran khusus untuk menjelaskan sesuatu topik dan menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti mengenai polisi bagi memelihara dan memulihara warisan yang ada di negara kita.

Oleh yang demikian, sekolah dan universiti juga harus memainkan peranan dalam melestarikan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini. Sebagai contoh, sekolah mungkin boleh mewujudkan satu buku warisan yang mempunyai silibus tarian masyarakat Bidayuh khususnya tarian ‘Langgie Pingadap’ agar dapat dipelajari secara lisan di peringkat sekolah oleh para pelajar. Di peringkat universiti pula harus mempunyai satu ruang pameran warisan yang berkaitan dengan tarian ‘Langgie Pingadap’ agar mahasiswa dan mahasiswi dari seluruh bahagian di Negara Malaysia mengetahui serba sedikit berkenaan tarian tradisional orang Dayak di Negeri Sarawak.

### **5.3.3 Cadangan Di Peringkat Kerajaan Negeri Sarawak**

Setiap tarian tradisional ini perlulah dipelihara dan dijaga oleh kerajaan agar tidak hilang dan lenyap ditelan zaman. Kerajaan Negeri Sarawak misalnya perlu mencari inisiatif yang lagi berkesan khususnya dalam memperkenalkan tarian tradisional masyarakat Bidayuh ini di peringkat antarabangsa di samping perlu bergiat aktif dalam mencari pelapis atau pewaris baru bagi menjamin keaslian tarian tradisional ini seperti mewujudkan sekolah seni tari ataupun persatuan yang berteraskan tarian tradisional orang Bidayuh di Negeri Sarawak.

Selain itu, kerajaan juga harus memainkan peranan dalam mempromosikan tarian ‘Langgie Pingadap’ Bidayuh ini di peringkat kebangsaan misalnya dengan menjadikan tarian tradisional orang Bidayuh ini sebagai acara tahunan yang boleh dipersembahkan di Dewan Masyarakat di Bahagian Serian yang merupakan tempat

yang majoriti penduduknya adalah orang Bidayuh. Dengan cara ini, skop tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dapat dilihat lalu didedahkan di seluruh Malaysia melalui siaran langsung di mana-mana media sosial ataupun menerusi program Televisyen Sarawak (TVS). Di samping itu, Kerajaan Negeri Sarawak yang telah menyediakan laman sesawang khas mengenai warisan Dayak yang ada di Negeri Sarawak boleh membuat promosi atau iklan yang boleh menarik pelancong luar untuk datang bagi mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan warisan orang Bidayuh secara langsung dan nyata. Impaknya, secara tidak langsung tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dapat terus terpelihara dipelihara dan terjaga keasliannya dengan adanya kesedaran yang tinggi di dalam diri setiap masyarakat di Negeri Sarawak amnya.

#### 5.4 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dalam bab 5 ini, penulisan yang telah dilakukan oleh pengkaji memberikan penjelasan secara menyeluruh mengenai bab-bab dalam penyelidikan ini. Bab 5 ini adalah bab terakhir yang mana dibuat bertujuan untuk memastikan matlamat objektif kajian dapat dicapai. Pengkaji akhirnya dapat mengetahui mengenai sejarah dan perkembangan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam kalangan masyarakat Bidayuh. Seterusnya, pengkaji juga dapat mengkaji apakah adanya perbandingan antara tarian ‘Langgie Pingadap’ pada masa dahulu dengan masa kini. Akhir sekali, dalam kajian ini juga, pengkaji dapat mengkaji usaha untuk mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini agar dapat terus dijadikan sebagai identiti kepada kaum Bidayuh itu sendiri.

Hasil temubual daripada temubual yang dilakukan, pengkaji dapat merumuskan bahawa walaupun dunia semakin maju dengan teknologi, namun peninggalan warisan nenek moyang yang diperturunkan kepada kita sejak dahulu lagi haruslah dikekalkan agar ia dapat dipelihara dan dijaga supaya tidak pupus ditelan zaman. Bukan itu sahaja, generasi muda juga akan mempunyai peluang untuk melihat dengan nyata warisan yang menjadi kebanggaan sesuatu kaum itu.

Selain itu, pengkaji juga merumuskan bahawa kajian yang telah dilakukan ini tercapai kerana pengkaji dapat mengetahui mengenai sejarah dan perkembangan serta perbandingan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini secara langsung dari orang yang pernah mengalami zaman tersebut dan merasai suasana menjadi penari ketika mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’. Hal ini dapat dibuktikan apabila pengkaji telah turun ke lapangan iaitu di kawasan Bahagian Serian yang terletak di Kampung Rayang, KM 56 BATU 36, Jalan Kuching/Serian, Sarawak.

Pengkaji telah menemubual lapan responden yang juga merupakan anak jati Kampung Rayang, Serian. Mereka telah menceritakan kepada pengkaji secara menyeluruh tentang orang Bidayuh, sejarah dan perkembangan, perbandingan tarian dahulu dengan ciri dan usaha untuk memelihara dan menjaga tarian dengan baik yang mana mereka telah menjawab setiap persoalan yang pengkaji ajukan. Difahamkan juga bahawa mereka merupakan orang yang berpengetahuan dalam sejarah bagi orang Bidayuh, tarian Bidayuh, adat dan juga budaya suku kaum Bidayuh.

Oleh itu, bagi memelihara dan menjaga warisan yang bernilai ini, pelbagai usaha dan cadangan perlu diperkasakan bagi membuka mata masyarakat Bidayuh akan kepentingan tarian ‘Langgie Bidayuh’ sebagai salah satu nilai warisan yang tinggi. Tarian ‘Langgie Pingadap’ ini sebenarnya dapat dijadikan sumber tarikan kepada pelancong asing khasnya. Seperti di negara asing, terdapat tarian tradisional mereka yang dijadikan sebagai warisan yang tinggi nilainya dan masih dikekalkan sehingga ke hari ini.

## RUJUKAN

- Ali, T. I. (2007). Teori Semiotik Peirce Dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 18.
- Gamsal, J. E. (2013). *Pengurusan Pemeliharaan Tarian Ngajat Masyarakat Iban*.
- Hamzah, S. S. (2016). Pemeliharaan Kesenian Tarian Kuda Kepang Dalam Memartabatkan Seni Tari Melayu Di Negeri Johor.
- Lau, D. (1999). Borneo: A Photographic Journey. *Sarawak: Travelcom Asia Sdn. Bhd.*
- Liam, J. L. (2006). Identiti Masyarakat Peribumi Dalam Seni Tampak Malaysia – *Satu Kaedah Kemasyarakatan Seni*.
- Magiman, M. M. (2015). “*Langgie Pingadap*” Ritual dan Identiti Masyarakat.
- Mila Mardotillah, D. (2016). Silat: Identitas Budaya, Pendidikan, Seni Bela Diri dan Pemeliharaan Kesehatan. *Jurnal Antropologi: Isu-Isu Sosial Budaya*. Desember 2016 Vol. 18 (2): 121-133 \_\_\_\_\_ ISSN 1410-8356.
- Mohamad Maulana Magiman, N. S. (2017). Identiti Bidayuh Sarawak Dalam Tarian Langgie Pingadap (*Bidayuh Sarawak’s Identity In Langgie Pingadap*), 46-59.
- Mohd Fadzil Razali, B. R. (2016). Pemuliharaan Warisan Terpinggir: Menanggap Peranan Medium Senima. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, Jilid 32 (1) 651-668.
- Sulaiman, Y., & Bala, B. (2020). Sejarah Peribumi Borneo Utara Semasa Zaman Kesultanan Brunei: Satu Kajian Literatur. *North Borneo History Of Indigenous During The Brunei Sultanate: A Review For The Literature*, Jurnal Kinabalu Bil. 26 (2), (Disember), 131-145.

Tawau, G. A. (2015). Pemeliharaan Seni Budaya Warisan Gendang Pampat Dalam Masyarakat Iban Di Negeri Sarawak.

Turan, O. U. (n.d.). Kajian Kes: *Long Ikang Baham*. Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Datun Julud Sebagai Tarian Tradisional Masyarakat Kenyah, 2007.



**LAMPIRAN****SOALAN TEMUBUAL****PELESTARIAN TARIAN ‘LANGGIE PINGADAP’ DALAM KALANGAN MASYARAKAT BIDAYUH**

**Soalan Untuk Ditemubual (Penduduk Kampung Rayang, Serian Yang Mempunyai Pengetahuan Dan Pengalaman Tentang Tarian ‘Langgie Pingadap’ Kaum Bidayuh)**

1. Bolehkan encik/puan memperkenalkan diri dan apakah latar belakang diri encik/puan?

**Objektif 1: Mengenalpasti Sejarah Perkembangan Tarian ‘Langgie Pingadap’ Dalam Masyarakat Bidayuh**

Soalan:

1. Sejak bila bermulanya perkembangan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam kalangan masyarakat Bidayuh?
2. Apakah yang mempengaruhi kewujudan tarian ‘Langgie Pingadap’ dalam masyarakat Bidayuh?
3. Siapakah individu yang popular dalam memperkenalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini?

**Objektif 2: Mengkaji Perbandingan Tarian ‘Langgie Pingadap’ Pada Zaman Dahulu Dengan Masa Kini**

Soalan:

1. Apakah perbezaan antara tarian ‘Langgie Pingadap’ pada zaman dahulu dengan masa kini?
2. Apakah punca terjadinya perbezaan ataupun perubahan dalam keaslian tarian ‘Langgie Pingadap’ ini dari tahun ke tahun?
3. Apakah barang dan perhiasan yang digunakan dalam mempersembahkan tarian ‘Langgie Pingadap’ pada masa dahulu dan masa kini yang mungkin telah mengalami perubahan?

**Objektif 3: Membincangkan Kaedah Dalam Usaha Untuk Memulihara Dan Mengelakkan Tarian ‘Langgie Pingadap’ Sebagai Identiti Kaum Bidayuh**

Soalan:

1. Bagaimanakah cara untuk menggalakkan generasi muda untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang kepentingan tarian ‘Langgie Pingadap’?
2. Apakah langkah yang bersesuaian untuk digunakan bagi memulihara dan mengekalkan tarian ‘Langgie Pingadap’ ini?

## MAKLUMAT RESPONDEN

### 1. Responden Pertama

Nama: Chuno Anak Rohung  
Jantina: Lelaki  
Umur: 65 Tahun  
Pekerjaan: Petani

### 2. Responden Kedua

Nama: Rusa Anak Ranyah  
Jantina: Perempuan  
Umur: 53  
Pekerjaan: Ketua Kampung

### 3. Responden Ketiga

Nama: Alui Anak Sijo  
Jantina: Lelaki  
Umur: 64 Tahun  
Pekerjaan: Tiada

### 4. Responden Keempat

Nama: Simon Jai  
Jantina: Lelaki  
Umur: 40  
Pekerjaan: Buruh Kasar

### 5. Responden Kelima

Nama: Ratei Anak Nona  
Jantina: Perempuan  
Umur: 58 Tahun  
Pekerjaan: Suri Rumah

## **6. Responden Keenam**

Nama: Kanai Anak Ana

Jantina: Perempuan

Umur: 61

Pekerjaan: Suri Rumah

## **7. Responden Ketujuh**

Nama: Matthew Peros Anak Rikep

Jantina: Lelaki

Umur: 61 Tahun

Pekerjaan: Tiada

## **8. Responden Kelapan**

Nama: Redei Anak Chulip

Jantina: Perempuan

Umur: 49

Pekerjaan: Suri Rumah

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN